

Laporan  
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR  
**AKNC**





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

# LAPORAN

## ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

### 2021

#### FAKULTI MUZIK

#### PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN PELAJAR

---

**KETUA PTJ :**

TAZUL IZAN BIN TAJUDDIN

**KETUA UNIT KUALITI :**

JANETTE JANNAH BINTI POHENG

**PENYELARAS :**

**PENULIS :**

1. NUR IZZATI JAMALLUDIN
2. YAP ENG SIM
3. AFIQAH AISYAH BINTI SAIFUL BAHAR
4. SARAH ALIA BINTI AHMAD JAMAL
5. JANETTE JANNAH BINTI POHENG
6. MARYANN MAGDALENA LINNIS
7. MD JAIS BIN ISMAIL

## **KRITERIA 1 : KEPIMPINAN**

### **1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Kepimpinan merupakan suatu keperluan dalam membina kekuatan organisasi terutamanya dalam memimpin ke arah pencapaian matlamat. Fakulti Muzik (FM) dibawah pimpinan Dekan terus bergerak ke hadapan seiring dengan keperluan global bagi mencapai misi mendidik dan melahirkan graduan yang mempunyai keseimbangan holistik. Bagi mencapai visi dan misi seiring dengan matlamat UiTM, kepimpinan kanan FM sentiasa memantapkan pengurusan dan pembangunan pelajar di dalam aktiviti akademik dan bukan akademik. Melalui peranan kurikulum dan kokurikulum yang digabungjalinkan bersama, ia sangat penting untuk melahirkan insan yang mempunyai keseimbangan sempurna, berkepimpinan, berketerampilan dan berdaya saing.

Barisan pengurusan kanan FM dibantu oleh Timbalan Dekan Akademik (TDA), Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar (TDHEP) dan Timbalan Dekan Penyelidikan, Jaringan dan Industri (TDPJI). Selain itu, pengurusan kanan juga mempunyai enam (6) jabatan yang diketuai oleh seorang Ketua Program atau Koordinator Program bagi memastikan kelancaran sistem pengurusan FM. Manakala bagi pemantauan perancangan strategik, seorang Penyelaras Strategik telah dilantik untuk mengurus hal ehwal tersebut.

Bidang tumpuan yang dipilih oleh FM pada kali ini adalah pengurusan dan pembangunan pelajar yang merangkumi pencapaian bagi tahun 2019 dan 2020. Tahun lalu seluruh dunia menghadapi cabaran pandemik COVID-19 dan ini telah memberi impak kepada UiTM di mana segala aktiviti akademik dan bukan akademik terjejas. Namun begitu, beberapa langkah telah diambil seperti pendigitalan dan pembelajaran secara *Open Distance Learning* (ODL) dijalankan bagi memastikan aktiviti pembelajaran dapat diteruskan. Tambahan pula, aktiviti yang melibatkan pembangunan pelajar seperti webinar, latihan, taklimat, *masterclass* dan bengkel juga dijalankan menggunakan platform atas talian.

Kepimpinan kanan FM juga mengambil langkah-langkah proaktif dalam memastikan perancangan strategik tercapai. Pendekatan kepimpinan kanan FM yang memberi autonomi kepada staf dan pelajar dalam menggerakkan aktiviti pembangunan pelajar dapat dilihat melalui beberapa aspek. Antaranya adalah melalui kepakaran staf akademik yang merupakan aset bernilai di FM. Setiap aktiviti pembangunan pelajar adalah berlandaskan kepada bidang kepakaran pensyarah. Antara contoh yang dapat diberi adalah kejayaan UiTM Chamber Choir (UCC) di peringkat antarabangsa adalah hasil pengetahuan dan kepakaran pengarah koirnya iaitu Prof. Madya Dr. Masashi Kishimoto. Begitu juga UiTM *Jazz Performing Group* di bawah bimbingan En. Rizal Tony yang mempunyai kepakaran dalam bidang *jazz studies*. Program ini telah mendapat pengiktirafan oleh UNESCO di bawah usaha memartabatkan muzik jazz di Malaysia melalui konsert *International Jazz Day Celebration 2019*.

Selain itu, kepelbagaian kemahiran bakat staf-staf pentadbiran turut membantu di dalam aktiviti pembangunan pelajar. Bukan sahaja tugas hakiki di pejabat, staf pentadbiran terlibat dalam pengurusan acara, teknikal, rekaan grafik, protokol dan sebagainya. Sumbangan ini diambilkira bagi penilaian tahunan staf.

FM sentiasa berterusan memastikan risiko yang wujud dapat diatasi dengan mengenalpasti perkara yang boleh dielakkan daripada berlaku. Isu-isu yang melibatkan risiko serta penambahbaikan dibincangkan dalam mesyuarat seperti mesyuarat pengurusan, mesyuarat JAF, mesyuarat jabatan dan lain-lain agar sebarang permasalahan dapat diatasi dengan segera.

## 1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Bagi memastikan Pembangunan Pelajar mencapai objektif yang ditetapkan, kepimpinan kanan FM telah membuat perancangan berdasarkan maklumat dan data pencapaian pelajar dalam aktiviti yang telah ditetapkan. Perancangan pembangunan pelajar dirangka selaras dengan visi, misi, objektif Universiti yang berpandukan beberapa rujukan utama iaitu Petunjuk Prestasi (PI) UiTM, Amanat Tahun Baharu Naib Canselor, Hala Tuju Strategik FM 2019. Perancangan ini selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (PPPM) Pendidikan Tinggi (PT). Bagi tahun 2020, UiTM telah melancarkan sebuah pelan strategik bagi menjadikan UiTM sebagai sebuah universiti terkemuka dunia menjelang 2025.

Perancangan bidang tumpuan FM merupakan salah satu daripada 10 lonjakan di dalam Pelan Lonjakan PPPM 2015-2025. Kepimpinan merupakan salah satu tumpuan utama oleh kepimpinan kanan FM dalam menghasilkan graduan holistik, berciri keusahawanan & seimbang. Berdasarkan Falsafah Pendidikan Negara, pengurusan kanan FM menjadikan atribut pelajar untuk enam aspirasi yang digariskan dalam PPPM 2015 - 2025 PT dalam membentuk pendidikan seimbang bagi pembangunan pelajar.

Bengkel perancangan strategik telah dijalankan pada Mac 2019 bertempat di Dewan Besar INTEC dan di Hotel UiTM pada Mac 2020. Kedua-dua bengkel ini telah melibatkan seluruh staf FM dalam memberi input bagi perancangan aktiviti-aktiviti dua tahun tersebut. Setelah membuat pelarasan aktiviti-aktiviti, pembentukan jawatankuasa, unit dan program serta staf FM yang terlibat akan dibuat bagi pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang telah dirancang.

Pelbagai pendekatan yang digunakan kepimpinan kanan FM untuk memastikan Pengurusan dan Pembangunan Pelajar dapat dilaksanakan dengan baik. Melalui kepimpinan Timbalan Dekan Akademik dan Timbalan Dekan Hal Ehwal pelajar, pelbagai aktiviti yang telah dijalankan bagi melahirkan graduan yang holistik. Antaranya adalah pengenalan KPI yang telah ditetapkan dibawah unit masing-masing. Seterusnya, setiap jabatan dan staf akademik mempunyai perancangan yang dapat menyumbang kepada pembangunan pelajar melalui penganjuran aktiviti persembahan, bengkel, webinar, *masterclass* dan lain-lain lagi. Perancangan aktiviti muzik bagi kedua-dua tahun tersebut dimuat naikkan ke dalam e-Kalendar *UiTM Music Series* yang mengandungi maklumat terperinci mengenai aktiviti-aktiviti muzik yang dijalankan.

Unit Hal Ehwal Pelajar (HEP) FM memainkan peranan sangat penting dalam menjalankan aktiviti pembangunan pelajar terutamanya dari segi kepimpinan. Antara aktiviti-aktiviti yang terlibat adalah seperti Modul Kepimpinan Ikon, Modul Kepimpinan Profesional, Modul Kepimpinan Survival Bangsa untuk pelajar-pelajar Diploma dan Sarjana Muda. Antara tujuan program dijalankan adalah untuk melahirkan model graduan UiTM yang berpengetahuan dan berkemahiran dan dapat memenuhi ciri-ciri keperluan kerjaya di masa akan datang. Ini adalah selaras dengan iltizam Pusat Pembangunan dan Kepimpinan Pelajar UiTM. Program seperti ini bukan sahaja dijalankan di peringkat FM tetapi dilaksanakan di seluruh UiTM.

Tidak lupa juga perancangan aktiviti yang melibatkan rakan kerjasama daripada industri, universiti dalam dan luar negara bagi memastikan hubungan dua hala dapat diteruskan. Melalui perancangan ini, hubungan baik FM dan entiti-entiti yang terlibat dapat membantu dalam menggerakkan aktiviti-aktiviti pembangunan pelajar bukan sahaja di peringkat kebangsaan malahan di peringkat antarabangsa. Setiap pandangan dan idea dikongsikan bersama serta membantu dalam menjana pengetahuan dan kefahaman berkenaan dengan pembangunan pelajar.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [A1.Semakan\\_Penetapan\\_KPI\\_FM\\_2019.pdf](#)
2. [A2.Amanat\\_Naib\\_Canselor\\_2019.pdf](#)
3. [A3.Amanat\\_Naib\\_Canselor\\_2020.pdf](#)

- 
4. [A4.Perancangan\\_Strategik\\_Industri.Komuniti&Alumni\\_2020.pdf](#)
  5. [A5.Bukti\\_1\\_Minit\\_Mesyuarat\\_Fakulti\\_2019.pdf](#)

### 1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Dalam mencapai keberhasilan bidang pengurusan dan pembangunan pelajar serta melestarikan reputasi FM sebagai institusi pendidikan muzik yang tertua di negara ini, kepimpinan kanan sentiasa memastikan semua aktiviti akademik dan bukan akademik yang dianjurkan adalah selari dengan visi, misi dan objektif UiTM. Penyebarluasan maklumat berkaitan menggunakan beberapa platform seperti program Amanat Dekan, mesyuarat akademik, mesyuarat jabatan, laman sesawang, media sosial, program-program yang dijalankan di bawah HEP serta aktiviti pelajar.

Kepimpinan yang menyeluruh diberikan oleh kepimpinan kanan FM kepada staf akademik bagi merancang dan menggerakkan aktiviti pembangunan pelajar melalui pembentukan jawatankuasa, lantikan ketua projek, lantikan pengarah muzik dan lain-lain. Perancangan aktiviti tahunan akan diselaraskan oleh Koordinator Program bagi memastikan kepimpinan kanan FM dapat merangka secara menyeluruh aspek kewangan, garis masa, sasaran dan pencapaian perancangan strategik FM.

Selain di peringkat staf, kepimpinan kanan FM juga menitikberatkan usaha untuk menanam sifat kepimpinan dalam diri pelajar melalui penubuhan persatuan seperti Sekretariat Mahasiswa Fakulti (SMF), UiTM Chamber Choir (UCC), String Ensemble Society (SES), UiTM Business Society dan Music Education Society (MES).

Setiap aktiviti yang dijalankan bukan sahaja menjadi manfaat kepada pelajar-pelajar malahan kepada seluruh warga UiTM dan juga komuniti. Antara contoh yang boleh diberi adalah program *UiTM Jazz Series: Big Band Sessions - The Real Deal* merupakan salah satu konsert untuk mendedahkan pelajar-pelajar dalam pengurusan dan persembahan. Konsert ini dijalankan di peringkat universiti manakala Konsert *UiTM-UNESCO International Jazz Day Celebration 2019* telah diadakan Melaka dengan kerjasama Tourism Melaka dan Mahkota Parade. Di samping itu, masterclass diadakan di Sekolah Menengah Tinggi Melaka bersama-sama dengan pelajar-pelajar sekolah dan dari FM.

Program lain seperti Hari Industri Fakulti Muzik (HIFA) 2019 telah dijalankan pada 2 Mei 2019 bertempat di Menara SAAS UiTM. Program ini merupakan sesi perkongsian daripada pihak industri iaitu Altimet dan Az Samad yang merupakan penyanyi dan komposer. Ini merupakan inisiatif yang telah diambil oleh pelajar Sarjana Muda Perniagaan Muzik dan sesi ini adalah terbuka untuk orang ramai. Pada hari yang sama juga, pelajar semester akhir bagi program Diploma Seni Muzik telah mengadakan *Diploma Carnival: Music Day Out*. Pelajar-pelajar belajar untuk menguruskan program yang juga mempunyai elemen kepimpinan dan keusahawanan.

Bagi tahun lalu, kebanyakan program yang dijalankan adalah secara atas talian dan antaranya adalah *Industry Talk Series*, *Alumni Sharing Session* dan sesi perkongsian pelajar OKU (Dini & Khai) - Mencari Hikmah Dalam Musibah. Sedikit sebanyak program-program ini dapat diteruskan walaupun dalam keadaan negara dilanda pandemik COVID-19. Kesemua contoh-contoh yang diberi merupakan sebahagian daripada program yang telah dirancang dalam pelan strategik FM.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [D1.E-Cal\\_April\\_2019.pdf](#)
2. [D2.E-Cal\\_May\\_2019.pdf](#)
3. [D3.E-Calendar - Faculty of Music Data 2020.pdf](#)
4. [D4.Surat\\_Kelulusan\\_Program-IJD2019.pdf](#)
5. [D5.Media\\_Sosial\\_FM\\_Instagram.pdf](#)



## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Bagi memastikan pelaksanaan program yang telah dirancang oleh FM berjalan dengan lancar, pelan pemantauan kepimpinan kanan diadakan bagi memastikan kejayaan dan mengenalpasti punca kegagalan sesuatu inisiatif dilakukan di dua peringkat yang berbeza iaitu tadbir urus dan pelaksanaan projek.

Di peringkat tadbir urus, bagi memastikan kejayaan dan pengenalpastian punca kegagalan suatu program, beberapa kaedah perbincangan dijalankan seperti di dalam mesyuarat pengurusan, mesyuarat akademik, Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan, mesyuarat Tabung Amanah dan juga mesyuarat jabatan. Selain itu, audit dalaman turut menjalankan penilaian berkala menyeluruh bagi melihat keberkesanan operasi tadbir urus FM.

Manakala di peringkat pelaksanaan projek pulak, ketua projek dan Jawatankuasa Kecil persembahan yang telah dilantik bertanggungjawab untuk terus memantau kelancaran projek serta memastikan sasaran yang ditetapkan tercapai. Di peringkat pengurusan pula, FM mempunyai Penyelaras Perancangan Strategik yang dilantik untuk memantau aktiviti-aktiviti perancangan strategik FM secara berkala di mana kemajuan aktiviti-aktiviti tersebut akan dikumpul dan dilaporkan ke dalam sistem *University Electronic Programme Management Office* (UePMO) yang digunapakai oleh seluruh PTJ di UiTM. Secara tidak langsung, pelaporan dapat dipantau oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU) UiTM.

Kepimpinan kanan FM sentiasa peka terhadap keperluan dan cabaran semasa universiti dan amnya dalam melahirkan graduan yang holistik dan global terutama sekali selepas seluruh dunia dilanda pandemik COVID-19 tahun lalu. Ini secara tidak langsung memberi kesan dalam semua sektor di seluruh negara. Namun begitu, FM terus berusaha bagi memastikan perancangan strategik dapat diteruskan agar sasaran dapat dicapai di peringkat fakulti dan UiTM.

Seterusnya, kepimpinan kanan terus memberi sokongan dan peringatan kepada staf FM untuk melibatkan diri secara proaktif dalam aktiviti pembangunan pelajar. Staf FM juga diingatkan agar menyediakan maklumat dan dokumen lengkap bagi setiap aktiviti yang telah dipohon untuk dianjurkan. Aktiviti yang telah dijalankan dinilai keberkesananannya dan ini dapat membantu dalam pencapaian KPI yang telah ditetapkan.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [L1a.Minit\\_Mesyuarat\\_Fakulti\\_2020.pdf](#)
2. [L1b.Laporan\\_Pemantapan\\_DS\\_Mac-Julai\\_2019.pdf](#)
3. [L1c.Laporan\\_Program\\_Modul\\_Pembangunan\\_Kerjaya\\_2020.pdf](#)
4. [L1d.Laporan UiTM-UNESCO International Jazz Day Celebration 2019 P1.pdf](#)
5. [L1e.Laporan UiTM-UNESCO International Jazz Day Celebration 2019\\_P2.pdf](#)



## **1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Risiko merupakan ketidakpastian yang berpunca daripada perkara-perkara melibatkan isu, proses kerja, peristiwa atau kesan risiko perlu diurus dengan baik agar kelangsungan kecemerlangan UiTM dapat diteruskan. Setiap program yang dijalankan mempunyai risiko berkaitan. Kepimpinan FM sentiasa peka terhadap risiko yang supaya bidang tumpuan berjalan dengan lancar. Pelan tindakan pengurusan risiko FM dipertanggungjawabkan di bawah Unit Kualiti. Penyelaras Fakulti (PRF) telah dilantik untuk menyelaras risiko-risiko fakulti dan PRF ini dibantu oleh wakil-wakil daripada setiap jabatan atau unit yang terdapat di dalam FM.

Di dalam pengurusan aktiviti pembangunan pelajar, terdapat pelbagai risiko yang telah dikenalpasti seperti dari aspek kewangan, pelaksanaan, reputasi, proses kerja, teknikal dan lain-lain. Ini dilakukan sebagai tindakan pembetulan dan pencegahan bagi tujuan penambahbaikan untuk program pada masa akan datang.

Oleh itu, beberapa langkah telah diambil oleh kepimpinan kanan FM untuk memantapkan keberhasilan bidang tumpuan ini. Jawatankuasa Risiko FM ditubuhkan dan Daftar Risiko diwujudkan dalam usaha untuk menangani sebarang risiko yang boleh mengganggu dan menjejaskan operasi di FM. Ini dapat dilihat apabila pelbagai risiko yang timbul apabila terdapat gangguan terhadap pengoperasian UiTM apabila Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah dilaksanakan pada Mac 2020 disebabkan penularan pandemik COVID-19. Dengan adanya pengurusan risiko di peringkat PTJ, setiap aktiviti yang melibatkan pembangunan pelajar dapat dikenalpasti dan tindakan seterusnya boleh diambil seperti peralihan daripada aktiviti bersemuka kepada program atas talian.

Selain itu, tindakan pencegahan yang diambil bagi aktiviti pembangunan pelajar adalah melalui mesyuarat post-mortem. Ini adalah untuk mengenalpasti kejayaan atau kegagalan suatu program yang dianjurkan. Sekiranya terdapat sebarang kekurangan di dalam program tersebut, tindakan penambahbaikan akan diambil pada program di masa akan datang.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [L2a.FM\\_Analisa\\_Impak\\_Operasi&Perancangan\\_Kesinambungan\\_Operasi-2020.pdf](#)
2. [L2b.FM\\_Analisa\\_Kebergantungan\\_Operasi&Perancangan\\_Kesinambungan\\_Operasi-2020.pdf](#)
3. [L2c.Pelantikan\\_Penyelaras\\_Risiko\\_FM.pdf](#)
4. [L2d.Minit\\_Mesyuarat\\_Bil.7\\_2020.pdf](#)
5. [L2e.Laporan\\_UiTM-UNESCO\\_International\\_Jazz\\_Day\\_Celebration\\_2019\\_P1.pdf](#)

### 1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pengurusan Kanan FM sangat menitikberatkan pencapaian yang berkaitan dengan pembangunan pelajar. Oleh itu, pihak pengurusan kanan FM sentiasa memastikan untuk mengkaji semula keberkesanan program yang dijalankan dan tindakan penambahbaikan diambil untuk program yang kurang mendapat sambutan.

Antara elemen utama kepimpinan yang lain adalah mempunyai komunikasi yang berkesan. Komunikasi dua hala di antara kepimpinan kanan dan warga FM merupakan elemen penting dalam proses penyampaian maklumat berjalan dengan lancar serta pencapaian strategik FM dapat dipenuhi. Ini dijalankan melalui sesi Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan, Mesyuarat Pengurusan, Mesyuarat Akademik, Mesyuarat Jabatan dan juga Mesyuarat Jawatankuasa untuk program yang dianjurkan.

Perkongsian maklumat berkenaan dengan perubahan dasar serta makluman terkini dapat disalurkan dan dikongsi dengan pengurusan Kanan FM untuk tindakan selanjutnya. Antara contoh yang boleh diberi adalah pekeliling HEP berkenaan dengan Pelaksanaan Modul Pembangunan Kerjaya Secara Dalam Talian - eModul Pembangunan Kerjaya (eMPK).

Melihat kepada kepentingan teknologi dan peranan media sosial pada masa kini, kepimpinan kanan sentiasa memastikan Jawatankuasa Media, Visibiliti & Komunikasi Korporat menjadi salah satu unit yang dapat menyalurkan maklumat serta mendapatkan maklumbalas bagi tindakan penambahbaikan.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [L3a.MU\\_Minit MKSP Bil 3 Tahun 2019.pdf](#)
2. [L3b.Minit JAF\\_Bil.8\\_2019\\_250719.pdf](#)
3. [L3c.Pekeliling\\_HEP\\_Modul\\_Atas\\_Talian.pdf](#)
4. [L3d.Minit\\_Mesyuarat\\_AJK\\_Korporat\\_2020.pdf](#)
5. [L3e.Jawatankuasa\\_Media.Visibiliti&Komunikasi\\_Korporat\\_FM.pdf](#)

## 1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Sebagai sebuah institusi pendidikan muzik yang tertua di dalam negara, reputasi FM telah mendapat pengiktirafan yang baik oleh industri dan komuniti. Hubungan baik yang terjalin di antara entiti-entiti ini dimanfaatkan sepenuhnya oleh kepimpinan kanan dalam menggerakkan aktiviti pembangunan pelajar di mana projek-projek kolaborasi dijalankan bersama.

Penerapan nilai-nilai keusahawanan di kalangan pelajar juga dititikberatkan oleh kepimpinan kanan FM. Ini dapat dibuktikan dengan penganjuran program *Diploma Carnival Music Day Out* yang dianjurkan oleh pelajar Diploma Seni Muzik. Program ini merupakan sebahagian daripada keperluan salah satu kursus iaitu Pengurusan Muzik. Antara program lain yang dianjurkan melibatkan industri adalah Hari Industri Fakulti Muzik (HIFA). Program ini merupakan inisiatif pelajar-pelajar program Sarjana Muda Perniagaan Muzik di mana sesi perkongsian bersama Altimet dan Az Samad telah diadakan. Bukan itu sahaja, program atas talian bersama-sama dengan pihak industri dan universiti daripada luar negara masih diteruskan walaupun tidak dapat dijalankan secara bersemuka. Cabaran pandemik COVID-19 memberi peluang kepada pengurusan kanan FM untuk lebih kreatif dan inovatif dalam mencari alternatif untuk menjayakan perancangan strategik yang telah ditetapkan.

Selain itu, melalui MoA di antara FM dan Estonia Academy of Music and Theatre adalah satu contoh kerjasama diantara dua institusi yang menjalankan aktiviti-aktiviti mobility staf dan pelajar dan dalam tempoh setahun, terdapat enam (6) aktiviti yang mengambil tempat pada tahun 2019.

Bagi memastikan perkongsian pelaksanaan inisiatif utama adalah menyeluruh, pengurusan kanan FM akan memastikan maklumat berkaitan dikongsi bersama seluruh warga FM melalui whatsapp dan juga ketika mesyuarat diadakan. Hasil pencapaian yang melibatkan aktiviti pembangunan pelajar terus meningkat dan dapat dilihat pada setiap PI yang melibatkan pelajar adalah 100% tercapai bagi tahun 2019 dan tahun 2020.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [I1.Pencapaian\\_PI\\_FM\\_2019.pdf](#)
2. [I2.Pencapaian\\_PI\\_FM\\_2020.pdf](#)
3. [I3.E-Cal\\_May\\_2019.pdf](#)
4. [I4.Ketampakan\\_Global\\_FM\\_P1.pdf](#)
5. [I5.Ketampakan\\_Global\\_FM\\_P2.pdf](#)

## **KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK**

### **2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Menyoroti agenda keberhasilan Fakulti Muzik (FM) bagi tahun 2019 dan 2020 adalah didasari RMK-11 UiTM, teras strategik UiTM 2016-2020 serta Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025. Sehubungan itu, FM komited untuk menggembeleng usaha ke arah mencapai hasrat universiti selaras Pelan Strategik UiTM 2025 dan seterusnya bergerak seiring dengan UiTM demi mencapai matlamat bersama. Amanat Naib Canselor dijadikan sandaran disokong pekeliling serta polisi yang menjadi punca kuasa FM melaksanakan segala program. FM komited untuk menggembeleng usaha ke arah mencapai hasrat universiti selaras Pelan Strategik UiTM 2025 dan seterusnya bergerak seiring dengan UiTM demi mencapai matlamat bersama.

FM turut berpendirian bahawa objektif dan inisiatif strategik FM adalah untuk memastikan hala tuju fakulti seiring dengan tumpuan khusus universiti serta Pelan Strategik UiTM 2025. FM mengatur strategi dengan mengadakan perbincangan di peringkat fakulti melalui Mesyuarat KPI yang diadakan pada Jun 2019 di mana perbincangan di peringkat setiap jabatan telah diadakan lebih awal. Hal ini diterjemah melalui perkongsian bersama di peringkat jabatan yang memfokuskan kpi bagi setiap pensyarah untuk merancang kpi yang menjurus kepada hasrat universiti. KPI para pensyarah kemudian diangkat ke satu mesyuarat peringkat fakulti di mana koordinator program yang membentangkan hala tuju jabatan dan kpi para pensyarah di jabatan mereka. Konsep ini selaras dengan pendekatan 'down-top' yang memberi peluang pensyarah memutuskan tugas yang perlu diselesaikan mengikut kapasiti yang dimiliki dan seterusnya membantu fakulti untuk mencapai hasrat UiTM.

Pemantauan inisiatif strategik FM dilakukan secara komprehensif dengan melibatkan semua staf terutamanya pensyarah yang menguruskan projek pelajar. Pengurus projek atau aktiviti pelajar telah diminta untuk menghantar satu salinan laporan akhir projek kepada Timbalan-Timbalan Dekan yang berkenaan serta Penyelaras PPSU dalam tempoh seminggu selepas aktiviti dilaksanakan. Berdasarkan laporan yang diterima, penyelaras PPSU memasukkan maklumat projek pelajar yang telah dijalankan dalam sistem University Electronic Programme Management Office (UePMO) dan dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Fakulti. Pemantauan pelaksanaan pelan strategik dan pencapaian kpi FM turut dijalankan melalui perbincangan kerap bersama ketua/pengarah projek muzik dan koordinator program. Laporan pencapaian FM dihantar ke Naib Canselor setiap tiga bulan sepanjang sesi 2019 dan 2020 bagi pemantauan di peringkat UiTM.

Tindakan penambahbaikan diambil melalui inisiatif staf dan inisiatif fakulti. Para staf diberi peluang dan galakan menjalin hubungan bersama industri dan golongan pakar untuk menghasilkan graduan yang memenuhi kehendak industri dan memperbaiki mutu pengajaran. FM membuka ruang kepada pelajar melalui Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) untuk menyatakan pendirian atau cadangan sebagai penambahbaikan terhadap perancangan strategik FM dalam Mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Pelajar. Oleh kerana skop perancangan strategik yang luas, penglibatan staf FM, pelajar, pemegang taruh, dan pengurusan UiTM dilibatkan bagi memberikan pandangan menyeluruh dalam proses penambahbaikan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan. Pada masa yang sama, penilaian risiko turut dijalankan bagi memastikan keberkesanan dan kelancaran aktiviti yang dilaksanakan.

## 2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

FM telah menjadikan buku Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK 11) UiTM sebagai panduan memahami Pelan Strategik UiTM. Melalui cara ini, perancangan strategik FM yang melibatkan aktiviti persembahan muzik serta program pembangunan pelajar adalah selaras dengan perancangan strategik UiTM yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Menerusi bengkel perancangan strategik yang diadakan pada 9 dan 10 Mac 2019, objektif dan inisiatif strategik FM telah dirangka dan dikongsikan kepada semua warga FM. Setiap unit seperti Unit Hal Ehwal Akademik, Hal Ehwal Pelajar, Penyelidikan Dan Jaringan Industri telah merangka inisiatif strategik masing-masing sejajar dengan kpi UiTM seperti Jadual 2. Inisiatif melaksana perancangan strategik diintegrasikan dengan elemen **inovasi** di mana penggunaan *Individual Key Performance Indicator Form* diaplikasikan. Para pensyarah dan staf telah diminta untuk memasukkan maklumat kpi diri yang selari dengan kpi universiti ke dalam ruang borang yang disediakan seperti Lampiran 3. Pada masa yang sama, koordinator program memberi bimbingan jika pensyarah memerlukan bantuan atau tidak jelas tentang kpi universiti dan pengisian borang. Dua kali pertemuan bersemuka diperuntukkan antara koordinator program dengan staf untuk proses bimbingan secara formal manakala bimbingan secara tidak formal melalui mesej telefon bimbit dan emel pada bila-bila masa. Melalui borang ini menjadikan proses pengurusan perancangan strategik FM lebih tersusun dan jelas kepada semua warga FM. Penggunaan borang ini juga memudahkan proses pengorganisasian maklumat staf FM lebih sistematik dan jelas. Hal ini memudahkan pentadbir FM memahami kapasiti setiap staf dan borang ini boleh terus dibawa dan dibentangkan dalam mesyuarat pengurusan FM.

FM juga memandang serius akan peri pentingnya program pembangunan pelajar di mana pelajar merupakan pelanggan utama dan modal insan negara. Hal ini juga telah ditekankan oleh Naib Canselor di mana agenda pembangunan pelajar diberikan tumpuan khusus yang pertama pada tahun 2019. Naib Canselor menekankan betapa pentingnya UiTM untuk melahirkan graduan yang mempunyai ketinggian kualiti bagi melahirkan bumiputera yang cemerlang dan disegani. Mahasiswa yang dihasilkan mestilah mempunyai nilai dan profesionalisme cemerlang, berdaya saing bersedia mengisi peluang pekerjaan, mempunyai ciri keusahawanan, STEM dan STREAM. Oleh itu, FM mengambil tanggungjawab ini dengan mengatur strategi melalui perkongsian bersama yang lebih berkesan dalam menjayakan agenda pembangunan pelajar dan menyahut seruan untuk melahirkan bumiputera yang mempunyai keterampilan dan ketinggian kualiti. Sejajar dengan usaha aktif pembangunan pelajar, FM memilih Pengurusan dan Pembangunan Pelajar sebagai bidang tumpuan pilihan dan memberikan tumpuan khas kepada aktiviti-aktiviti muzik FM berimpak tinggi seperti aktiviti persembahan muzik, perkongsian ilmu dan pertandingan muzik. Penglibatan serta pencapaian fakulti melalui aktiviti-aktiviti ini adalah amat membanggakan sama ada di peringkat fakulti, universiti, kebangsaan dan antarabangsa. Oleh itu, pelaporan ini adalah untuk menunjukkan bahawa petunjuk prestasi dapat dicapai dan dipenuhi melalui aktiviti perkongsian ilmu, pertandingan, dan persembahan muzikal, sama ada secara kumpulan atau penglibatan secara individu.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [Inovasi Penggunaan Individual Key Performance Indicator For.pdf](#)
2. [JADUAL 1 PENJAJARAN RMK-11 UITM.pdf](#)
3. [JADUAL 2 INISIATIF STRATEGIK FM.pdf](#)

## 2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Perluasan elemen strategik FM dilaksanakan secara holistik di mana pihak FM komited untuk menyebarkan segala hasrat untuk membangunkan nilai mahasiswa bukan sahaja kepada warga fakulti, malah kepada warga UiTM serta komuniti. Di peringkat fakulti, segala perancangan strategik disebarkan kepada seluruh warga FM melalui bengkel perancangan strategik yang diadakan pada awal tahun 2019 dan 2020, mesyuarat fakulti, taklimat hala tuju kpi FM, mesyuarat di peringkat jabatan di mana pensyarah membentangkan kpi masing-masing yang selari dengan kpi FM serta UiTM. Dalam bengkel dan mesyuarat yang diadakan, warga FM diberikan taklimat serta penjelasan berkenaan hala tuju FM, kpi dan tahap pencapaian kpi semasa. Dekan FM telah menyampaikan amanat semasa Bengkel Hala Tuju dan Perancangan Strategik FM 2019 dengan menekankan lapan fokus FM iaitu Penambahbaikan Kewangan, Kecekapan Organisasi, Memperkukuh Kolaborasi dengan Industri dan Alumni, Pelaburan Kompetensi, Digital, Pengantarabangsaan, Penjenamaan dan Pemasaran, dan Perubahan Budaya Kerja. Warga FM telah diseru untuk mencapai sasaran strategik RMK-11 UiTM yang memfokus pertumbuhan berpaksikan rakyat. 10 lonjakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan 2015-2025 turut dikongsi kepada warga FM seperti Rajah 5.

Koordinator bagi setiap program pula membentangkan perancangan aktiviti pelajar, pencapaian pelajar, dan aktiviti yang bakal dijalankan. Melalui cara ini, setiap warga FM cakna akan kpi masing-masing terutama kpi yang berkaitan dengan program pembangunan pelajar. Sebagai contoh, berdasarkan Minit Mesyuarat Bil.6/2019, senarai aktiviti pelajar bagi tahun 2019 telah dibentangkan dan dibincangkan merangkumi aktiviti seperti Jadual 3. Berdasarkan Minit Mesyuarat Bil.7/2020 pula, senarai aktiviti pelajar bagi tahun 2020 telah dibentangkan dan dibincangkan merangkumi aktiviti seperti Jadual 4. Sebagai institusi muzik terkemuka, FM juga sentiasa komited untuk menjalankan aktiviti-aktiviti persembahan muzikal bertaraf dunia yang disesuaikan dengan matlamat RMK-11 UiTM seterusnya menajamkan kemahiran pelajar dalam permainan instrumen muzik, membuat persembahan dan mengurus projek muzikal. Untuk itu projek-projek persembahan muzik seperti konsert dan pertandingan telah dirancang dan dibentangkan dalam mesyuarat fakulti contohnya pada tahun 2019 dan 2020, FM merancang dan melibatkan pelajar dalam aktiviti *Music Day Out Diploma Carnival Nostalgia, Improvisation Concert, Hadrami Music: Hope Out of The Deep Pain Istana Budaya, Euroasia Strings Competition*, Konsert Tujuh Belulang Tujuh Rasa, *UiTM Latin String Quartet With Colombian Embassy, Composers New Works By Virama Ensemble*, dan *Song Recording and Opera Preview*.

Di samping itu, aktiviti-aktiviti pelajar tidak terbatas kepada program-program yang dibentangkan di dalam mesyuarat fakulti, tetapi terdapat juga aktiviti pelajar yang dibuat secara terus melalui perbincangan dan kebenaran yang diperolehi di pihak pengurusan seperti China Cultural Day 2019, 'Lecture & Masterclass: Piano in the Baroque and Classical Period with Dr Milan Franek', Piano Recital featuring Pianist from China (Wuhan Conservatory), Orchestra Showcase: Conducted by Mr Munir Mahzair, 56th Anniversary of Fulbright Malaysia Celebration Dinner 2019. Aktiviti pelajar disebarluaskan melalui pelbagai platform. Memandangkan perkembangan teknologi yang pesat untuk menyebarkan ilmu pengetahuan, FM telah sedaya upaya mengintegrasikan teknologi untuk mewar-warkan segala program bagi menterjemah segala perancangan strategik yang telah dirancang. Satu jawatankuasa khas yang diberi nama Jawatankuasa Media, Visibiliti & Komunikasi Korporat yang ditubuhkan pada tahun 2018 telah diberi mandat untuk menyelia dan mengurus tugas-tugas penyebaran maklumat berkaitan aktiviti pelajar kepada warga FM, dan seluruh UiTM.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [LAPORAN BENGKEL STRATEGIK MAC 2019.pdf](#)
2. [RAJAH 5 10 LONJAKAN PIPP.pdf](#)

3. [Minit Mesyuarat Bil 2 2019.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pemantauan inisiatif strategik FM dilakukan secara komprehensif dengan melibatkan semua staf terutamanya pensyarah yang menguruskan projek pelajar. Pengurus projek atau aktiviti pelajar telah diminta untuk menghantar satu salinan laporan akhir projek kepada Timbalan-Timbalan Dekan yang berkenaan serta Penyelaras PPSU dalam tempoh seminggu selepas aktiviti dilaksanakan. Berdasarkan laporan yang diterima, penyelaras PPSU memasukkan maklumat projek pelajar yang telah dijalankan dalam sistem University Electronic Programme Management Office (UePMO). Sistem Pemantauan UePMO yang diperkenalkan oleh Pusat Perancangan Strategik UiTM ini membantu perjalanan pelan pemantauan inisiatif strategik FM. Pemantauan inisiatif strategik projek pelajar diselaraskan dengan Petunjuk Prestasi UePMO seperti Jadual 5.

Pemantauan inisiatif dijalankan di peringkat fakulti dengan kerjasama Pusat Perancangan dan maklumat Strategik (CSPI) UiTM, serta penglibatan dengan warga FM dan kumpulan sasaran. Hasil daripada kerjasama ini, pemantauan dapat dilakukan secara sistematik. Di peringkat fakulti, pemantauan inisiatif strategik ini dijalankan dengan tiga kaedah iaitu Mesyuarat Pengurusan Fakulti, Mesyuarat Jabatan dan Jawatankuasa Persembahan Bersama Ketua Projek, dan Perbincangan Ketua Projek Bersama Dekan. Menerusi pertemuan bersemuka dengan pentadbir tertinggi FM, perbincangan lebih kerap digalakkan dengan membincangkan permasalahan dan pencapaian KPI, seterusnya menentukan tindakan yang perlu diambil oleh jawatankuasa-jawatankuasa yang berkaitan dengan aktiviti tersebut. Perbincangan bagi pelaksanaan aktiviti turut dibincangkan dengan jawatankuasa seperti Jawatankuasa Misi Akademik/ Jejak Bakat serta Jawatankuasa Media, Visibiliti & Komunikasi Korporat.

FM juga melaporkan pencapaian kpi FM kepada Naib Canselor setiap tiga bulan sepanjang sesi 2019 dan 2020. Laporan ini dibuat berdasarkan perbincangan, mesyuarat dan maklumat yang dimasukkan dalam sistem UePMO. Jawatankuasa Media, Visibiliti & Komunikasi Korporat pula melapor dan membentangkan setiap aktiviti pelajar yang telah memberikan impak kepada fakulti, UiTM dan masyarakat kepada Unit Korporat, UiTM. Ketampakan global bagi setiap aktiviti pelajar juga diserlahkan dalam laporan jawatankuasa ini. Di samping itu, Penyelaras Unit Perancangan Strategik memantau kpi setiap warga FM dan membentangkan pencapaian kpi warga dua kali setahun iaitu pertengahan dan akhir tahun. Melalui cara ini membolehkan kpi FM sentiasa di bawah pemantauan UiTM supaya segala aktiviti yang dijalankan selari dengan hasrat UiTM. Warga fakulti juga cakna dengan pencapaian kpi diri serta kpi warga FM kerana status kpi dikongsi dan dibincangkan bersama.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [JADUAL 5 PETUNJUK PRESTASI UePMO.pdf](#)
2. [PEMANTAUAN KPI MELALUI SISTEM.pdf](#)
3. [LAPORAN PENGARAH ACADEMIE MUZIKA.pdf](#)
4. [PELAN PEMANTAUAN PROJEK PELAJAR FM.pdf](#)
5. [Laporan Jawatankuasa Jejak Bakat.pdf](#)



## 2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pada tahun 2019 dan 2020, risiko yang boleh menjejaskan kejayaan pencapaian objektif dan inisiatif strategik FM meliputi tiga faktor utama iaitu risiko kewangan, Pandemik Covid-19, dan kekurangan penyelidikan pensyarah.

Jika dibuat perbandingan dalam laporan kewangan yang dibentangkan dalam Mesyuarat Bil.6/2019 dan Mesyuarat Bil.7(2020) jelas menunjukkan kewangan dalam pengurusan dan tabung amanah menyusut kira-kira 18 peratus. Hal ini berpotensi menjadi risiko pelaksanaan inisiatif strategik FM. Risiko ini dikenalpasti akan memberi impak terhadap aktiviti pelajar terutama yang berkaitan dengan pembelian peralatan, perisian, teknikal, latihan, penggunaan ruang, bayaran gaji/elaun kakitangan dan sebagainya. Kekangan dari segi kewangan disebabkan oleh pemotongan peruntukan tahunan kepada universiti sedikit sebanyak menjejaskan pelaksanaan perancangan strategik serta aktiviti pelajar.

Pandemik Covid-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan pada 18 Mac 2020 telah memberi impak besar terhadap program dan aktiviti pelajar FM. Terdapat aktiviti-aktiviti pelajar yang terjejas akibat pandemik yang berlaku terutamanya aktiviti persembahan muzikal seperti konsert, orkestra, band dan seumpamanya di mana pelajar menghadapi kekangan untuk membuat latihan, dan ketiadaan penonton untuk hadir menyaksikan persembahan. Aktiviti pelajar yang melibatkan kolaborasi luar turut tergendala kerana pergerakan pelajar yang terhad dan kerisauan pihak luar untuk mengadakan aktiviti secara fizikal.

Pensyarah yang terlibat secara aktif di dalam pelaksanaan program dan aktiviti pembangunan pelajar seringkali tidak dapat atau kurang menyumbang kepada aktiviti penyelidikan dan penerbitan. Ini memberi impak kepada Skor MyRA yang merupakan Petunjuk Prestasi Utama (KPI 5). Selain itu, pensyarah yang tidak menyumbang kepada aktiviti penyelidikan dan penerbitan turut disenarai sebagai Denominator Berpotensi. Walaupun sesi perkongsian ilmu dan bengkel berkaitan penyelidikan diadakan, didapati jumlah penerbitan dalam kalangan pensyarah masih rendah. Kekurangan jumlah penerbitan penyelidikan merencatkan usaha FM untuk mencapai visi UiTM untuk menjadi universiti unggul terkemuka menerajui penyelidikan berimpak tinggi. Hal ini seterusnya mewujudkan risiko terhadap pencapaian objektif dan inisiatif strategik FM.

Pihak pengurusan FM telah berusaha mengatasi risiko yang boleh mengancam pelaksanaan pelan strategik FM. Antara strategi pencegahan yang dipraktikkan ialah menjalin kerjasama dan institusi terkemuka seperti Fullbright Foundation, SDG, serta Kedutaan Colombia yang dapat menyokong kewangan FM dalam aktiviti persembahan, penyelidikan dan pengurusan aktiviti. Jawatankuasa Penilaian Risiko FM turut digerakkan bagi menilai impak pandemik terhadap perancangan strategik FM seterusnya tindakan susulan dapat dilakukan.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [LAPORAN JAWATANKUASA PENILAIAN RISIKO.pdf](#)
2. [INISIATIF PENJANAAN KEWANGAN FAKULTI.pdf](#)

### 2.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Lapan teras universiti yang disarankan Naib Canselor pada tahun 2018 seperti Rajah 4 dijadikan sandaran serta refleksi bagi tujuan penambahbaikan. Hal ini kerana lapan teras tersebut menjadi petunjuk kejayaan 2018 dan pemangkin tahun 2019. FM juga berhasrat untuk melonjakkan lagi prestasi pada tahun 2019 dan 2020 selari dengan tuntutan RMK-11 UiTM. FM komited membuat penambahbaikan secara bersasar dengan melibatkan pelajar sebagai pelanggan utama, warga FM serta pihak berkepentingan. Inisiatif penambahbaikan dikenal pasti menggunakan dua kaedah iaitu Inisiatif Staf dan Inisiatif Fakulti yang digarap melalui pemupukan budaya kerja yang dinamik. Kebanyakan inisiatif pembangunan pelajar yang dianjurkan dan disertai adalah melalui inisiatif pensyarah itu sendiri. Inisiatif yang dimainkan oleh pensyarah FM dalam menghasilkan kualiti pengajaran dan penyelidikan yang baik adalah hasil hubungan yang dinamik antara warga akademik FM dan pelajar serta industri. Dengan ini, kehendak industri dan kurikulum akademik FM dapat diselarikan dan dioptimumkan bagi melahirkan graduan yang ideal.

Ditinjau dari aspek Inisiatif Fakulti pula, pihak pengurusan FM sentiasa komited dalam mencari peluang untuk mewujudkan kerjasama dengan organisasi luar bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pelajar FM melalui program muzik. Mereka sentiasa memastikan staf yang mempunyai kepakaran dalam bidang muzik tertentu untuk mengajar dan menyelia pelajar di peringkat siswazah dan pascasiswazah. Selain itu, melalui Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), para pelajar FM diberikan peluang untuk menyatakan pendirian atau cadangan sebagai penambahbaikan terhadap perancangan strategik FM. Hal ini dilihat sangat penting kerana pelajar merupakan kumpulan sasar dan pelanggan utama FM yang perlu dilibatkan dalam proses penambahbaikan aktiviti FM. Oleh kerana skop perancangan strategik yang luas, penglibatan staf FM, pelajar, pemegang taruh, dan pengurusan UiTM dilibatkan bagi memberikan pandangan menyeluruh dalam proses penambahbaikan aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

Setiap isu atau masalah yang timbul hasil daripada perbincangan bersama kumpulan sasar atau pemegang taruh dikongsikan kepada warga FM menerusi mesyuarat atau perbincangan. Melalui kaedah ini, warga FM duduk berbincang dan mencapai kata sepakat mencari penyelesaian bagi masalah yang dihadapi. Contohnya masalah yang berkaitan ketidakhadiran pelajar ke kuliah atas sebab terlibat dengan aktiviti anjuran HEP telah diangkat dalam Mesyuarat Hal Ehwat Pelajar Bil.2/2019 dan penyelesaian masalah adalah untuk mengikut prosedur yang disepakati bersama.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [Rajah 4. Teras Utama 2018 Sebagai Sandaran Pemacu KPI 2019-2020.pdf](#)
2. [Minit Mesyuarat HEP Bil 2 2019.pdf](#)

## 2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Kepimpinan kanan FM sentiasa membuka ruang dan peluang kepada semua warga FM termasuk para pelajar untuk melaksanakan kerjabuat secara kreatif dan inovatif. Aktiviti sinergi ilmu seperti *Ensemble Interaction and Improvisation, From Studio to Stage, Music Industry Talk, A Visit of Guest Lecturer* dan seumpamanya diadakan bagi melengkapkan kemahiran dan pengetahuan yang utuh buat warga FM. Aktiviti-aktiviti persembahan muzikal oleh pelajar dan staf disulamkan dengan elemen penyelidikan bagi memastikan aktiviti tersebut mendatangkan impak bermakna selaras dengan visi UiTM dan RMK-11 UiTM. Penyelidikan berupa practice-led yang diganding dengan aktiviti persembahan muzikal diiringi pembahagian masa yang efisien dipercayai menepati petunjuk prestasi pada tahun 2019 dan 2020.

Barisan kepimpinan FM berusaha untuk meningkatkan visibiliti dan reputasi FM, penyertaan pertandingan, persembahan dan aktiviti muzik luar dan dalam negara telah dijalankan mempunyai nilai tambah (added-value) yang lebih berterusan dan secara jangka panjang. Peningkatan aktiviti serta prestasi di mana ahli FM menjadi pemuzik, komposer terkemuka, atau pakar ilmuan yang disegani di pentas dunia. Sebagai contoh, projek *Connecting Beats Malaysia Vol.7 Percussion Music from Nusantara, Sound of The Nature by UiTM Chamber Choir, Echoes of Jazz II Groovotopia* dan lain-lain memukau masyarakat di dalam dan luar negara.

Visibiliti juga dapat membantu FM untuk mendapatkan pembiayaan dana bagi projek dan aktiviti akan datang. Ini penting bagi memastikan kelestarian dan ketekalan (*sustainability*) program pembangunan pelajar dan juga sebagai petunjuk prestasi bagi permohonan dan penerimaan geran luar negara. Visibiliti telah dan berpotensi membuka peluang mobiliti antarabangsa bagi pelajar serta staf akademik. Aktiviti kumpulan muzik FM pada tahun 2019 dan 2020 di pentas kebangsaan dan antarabangsa telah melakar kejayaan hasil dari elemen perancangan strategik yang kukuh. Natiyahnya, FM mampu untuk melaksana program dan projek berimpak tinggi dengan penggunaan kos yang rendah sejajar dengan tuntutan RMK-11 UiTM.

Menyedari akan peranan UiTM sebagai universiti yang dekat di hati rakyat, kepimpinan FM komited untuk memastikan nilai-nilai estetika muzik dihayati bukan sahaja untuk warga FM malah dibudayakan dalam jiwa masyarakat Malaysia. Sebagai contoh, projek persembahan yang dirancang di bawah Jawatankuasa Muzik Tradisional seperti Persembahan Muzik Melayu Asli, Pergendangan Melayu dan Ensembel Gambus bertujuan mengetengahkan seni muzik tradisional seterusnya menggalakkan pembudayaan estetika warisan bangsa dalam kalangan rakyat.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [Aktiviti Membudaya Warisan Bangsa oleh Jawatankuasa Muzik Tradisional.pdf](#)
2. [Poster Jawatankuasa Media, Visibiliti, Korporat.pdf](#)

## **KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN**

### **3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Mengenalpasti kumpulan sasaran sesebuah organisasi adalah penting bagi memastikan gerak kerja dilaksanakan secara tepat dan efektif. Kumpulan sasaran yang sedia ada bagi FM ialah (i) pelajar, (ii) staf dan (iii) pemegang taruh. Namun begitu, pada tahun 2019 dan 2020, dua komponen baharu telah ditambah iaitu komponen alumni di bawah kategori pelajar, serta komponen pihak awam di bawah kategori pemegang taruh. Keputusan ini telah diambil oleh pihak pentadbiran bagi menjajarkan gerak kerja harian FM dengan Rancangan Malaysia ke 11. Bagi bahagian pelaksanaan pula, FM masih menetapkan segala maklumat program dan gerak kerja yang dijalankan akan dikumpul melalui tiga kaedah iaitu (a) penyimpanan fail secara manual yang di labelkan sebagai Pelaksanaan Fail Klasifikasi Perkara UiTM, (b) penyimpanan data melalui sistem-sistem yang disediakan oleh pihak UiTM seperti SIMS, AIMS, Staff Portal, Fine Portal dan (c) sistem khas FM iaitu Online Room Booking. Namun demikian, berikutan limitasi mobiliti yang diakibatkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan, dua lagi platform baharu telah diguna pakai oleh FM bagi pengumpulan data pelaksanaan gerak kerja iaitu aplikasi Google Form serta platform WhatsApp. Bagi pelaporan bahagian pemantauan kumpulan sasaran pula, FM menekankan penghasilan yang diperoleh oleh pelanggan serta permasalahan yang timbul melalui pelaksanaan gerak kerja yang telah dilakukan. Peningkatan penghasilan yang ketara ialah (1) penerimaan pembiayaan penganjuran program dari pihak luar, (2) pendedahan dan pengiktirafan yang diperoleh oleh kumpulan sasaran melalui aktiviti yang dijalankan, serta (3) hubungan diplomatik FM diantara organisasi dan institusi lokal dan antarabangsa. Bagi permasalahan yang dikenalpasti pula ialah (i) limitasi gerak kerja pekerja, (ii) kemudahan pelajar menyertai sesi pembelajaran secara atas talian berikutan sekatan pergerakan serta (iii) kemudahan pelajar meminjam peralatan muzik berikutan limitasi penggunaan fasiliti yang sedia ada. Bergerak pantas menyediakan solusi pada permasalahan, FM telah mengorak langkah dengan menyediakan pelaporan gerak pekerja secara atas talian, penggalakan memvariasikan platform pengajaran bagi memastikan tiada pelajar yang keciciran serta mendigitalkan dokumen-dokumen serta borang-borang fizikal supaya pelaksanaan gerak kerja, komunikasi bersama pelanggan serta perkhidmatan kepada pelanggan dapat dilakukan secara atas talian.

### 3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Usaha dalam menakuk gerak kerja dan keberhasilan FM agar relevan pada keperluan semasa industri adalah satu gerakan yang bersifat selaras dan berterusan. Bagi memastikan usaha yang digarapkan berlangsung secara holistik dan sempurna, aktiviti mengemaskini data kumpulan sasaran FM dilaksanakan pada setiap perbincangan tahunan Perancangan Strategik Fakulti. Pada tahun 2019 dan 2020, ahli pengurusan fakulti telah menetapkan bahawa kumpulan sasaran FM masih dikekalkan pada tiga kumpulan iaitu (i) pelajar, (ii) staf serta (iii) pemegang taruh. Namun begitu, berbeza dengan kumpulan sasaran tumpuan pelanggan FM pada tahun 2018 yang lebih memberi penekanan terhadap kelestarian jaringan antara fakulti dan organisasi-organisasi industri, satu lagi komuniti telah dikenalpasti sebagai komponen tambahan bagi kategori pemegang taruh iaitu pihak awam.

Sekiranya pada tahun 2018, komponen pemegang taruh hanya merujuk kepada entiti industri yang mempunyai kemampuan dalam menyediakan peluang pekerjaan kepada graduan dan mempunyai potensi untuk mewujudkan kolaborasi bersama fakulti, komponen pemegang taruh bagi tumpuan pelanggan FM pada tahun 2019 terdiri daripada organisasi, institusi, agensi luar serta pihak awam. Perkara ini boleh dirujuk pada slaid pembukaan perbincangan tahunan Perancangan Strategik 2019 yang bertajuk 'Scene Setting' Bengkel Hala Tuju & Perancangan Strategik FM 2019-2020. Merujuk halaman empat, salah satu daripada enam objektif utama fakulti ialah mendidik pihak awam untuk menghargai muzik. Manakala di halaman 14, pihak pengurusan memberi galakan yang besar kepada staf akademik dan pentadbiran untuk menggerakkan program-program fakulti yang mempunyai penglibatan awam.

Melalui penambahan komponen pihak awam pada kategori pemegang taruh tumpuan pelanggan, FM telah mensejajarkan gerak kerja tahun 2019 dan 2020 pada Tonggak Kedua Rancangan Malaysia ke 11 iaitu memperkukuhkan pembangunan inklusif dan kesejahteraan rakyat. Melalui penglibatan pihak awam dalam aktiviti-aktiviti serta program-program yang dijalankan oleh FM, hal ini sekaligus membuka peluang untuk FM menjalankan tanggungjawab untuk mendidik secara inklusif.

Selain daripada itu, pihak fakulti juga telah menetapkan penambahan komponen baharu terhadap kumpulan sasaran FM kategori pelajar. Bagi tahun 2019 dan 2020, komponen sedia ada dalam kategori tersebut iaitu pelajar yang sedang menjalankan pengajian akan ditambah dengan lagi satu komponen iaitu komponen alumni. Hal ini dapat dilihat pada slaid yang sama pada halaman 16, dimana aktiviti pengukuhan jaringan bersama industri serta alumni ditetapkan sebagai salah satu daripada lapan fokus utama gerak kerja tahun terbabit. Perubahan dan penambahan ini boleh dirujuk dengan lebih jelas pada tren data penumpuan kumpulan sasaran FM pada tahun 2018, 2019 dan 2020 yang dipamerkan di Gambarajah 3a. Gambarajah 3.a ini boleh dirujuk pada lampiran Kriteria 3, : Tumpuan Kepada Pelanggan.

Penambahbaikan yang diadakan adalah sebahagian inisiatif FM dalam menyahut seruan Rancangan Malaysia ke 11, di mana Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 4 telah disebut di bawah Lonjakan Strategik 3 yang menekankan pembangunan dan kelestarian pendidikan sebagai salah satu elemen Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (PPPM). Melalui penglibatan alumni dan pihak awam sebagai komuniti tambahan yang akan dipantau dalam tumpuan pelanggan pada tahun 2019 dan 2020, FM telah berjaya menerapkan satu langkah dalam memastikan gerak kerja dan keberhasilan fakulti sejajar dengan ketetapan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [Slide Dekan -Scene Setting Bengkel Perancangan Strategik 2019.pptx\\_compressed \(1\)\\_compressed-compressed.pdf](#)
2. [LAMPIRAN KRITERIA 3 - Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)

3. [LAPORAN BENGKEL STRATEGIK MAC 2019.docx.pdf](#)

### 3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Kaedah pengumpulan dan penyimpanan yang sedia ada di FM seperti (i) penyimpanan fail secara manual yang di labelkan sebagai Pelaksanaan Fail Klasifikasi Perkara UiTM, (ii) penyimpanan data melalui sistem-sistem yang disediakan oleh pihak UiTM seperti SIMS, AIMS, Staff Portal, Fine Portal dan (iii) sistem khas FM iaitu Online Room Booking yang digunakan bagi tujuan tempahan bilik dan dewan kuliah bagi sesi pembelajaran. Bagi kaedah penyimpanan fail, ianya dijalankan mengikut manual Pelaksanaan Fail Klasifikasi Perkara UiTM yang digunakan oleh seluruh warga UiTM. Kaedah penyimpanan ini terbahagi kepada dua kategori iaitu fail pengurusan dan fail akademik. Gambarajah 3b menunjukkan tatacara penyimpanan data yang dilakukan secara manual bagi kumpulan sasaran FM. Sila rujuk pada lampiran Kriteria 3: Tumpuan Kepada Pelanggan bagi melihat Gambarajah 3b.

Manakala bagi penyimpanan data terhadap kesemua aktiviti dan program yang dijalankan oleh warga FM disimpan melalui laporan lengkap yang dipertanggungjawabkan kepada pengarah program. Setelah selesai menjalankan aktiviti, laporan yang dikumpulkan disimpan di dalam kotak yang berlabel. Dokumen-dokumen ini bukan sahaja terhadap bahan penulisan malah bahan-bahan seperti rakaman audio video serta gambar dalam bentuk CD disimpan bagi tujuan perekodan.

Selain kaedah penyimpanan data yang sedia ada, beberapa inisiatif pembaharuan telah diambil oleh FM bagi melancarkan gerak kerja tahun 2019 dan 2020. Melalui penambahan komponen terbaharu dalam kumpulan sasaran iaitu alumni dan pihak awam, beberapa mekanisme pengumpulan data telah ditambah dan diguna pakai bagi memastikan gerak kerja penyimpanan data dapat dilakukan dengan secara efektif.

Bagi pengumpulan data alumni, satu ruang komunikasi telah diwujudkan menggunakan aplikasi WhatsApp. Aplikasi ini digunakan oleh pentadbiran FM bagi penyebaran informasi-informasi yang mempunyai impak terhadap komuniti alumni seperti peluang kerjaya dan peluang persembahan. Aplikasi ini juga membantu dalam pengumpulan data alumni seperti perniagaan atau pekerjaan yang mereka bagi kegunaan membantu pelaporan keberhasilan program-program keusahawanan. Data yang diperolehi kemudiannya disalurkan kepada pihak MASMED bagi langkah selanjutnya. Gambarajah 3c merujuk kepada aplikasi yang diwujudkan bagi perolehan data alumni. Gambarajah ini boleh didapati pada lampiran Kriteria 3: Tumpuan Kepada Pelanggan.

Selain itu, bagi pengumpulan data kumpulan sasaran komponen pihak awam pula dilakukan menggunakan bantuan platform Google Form. Menyahut seruan FM dalam mengadakan aktiviti yang melibatkan pihak awam, individu bertanggungjawab terhadap projek dan aktiviti dikehendaki menyediakan satu kaedah pengumpulan data seperti Google Form untuk diisi oleh pihak awam. Data yang diperolehi bergantung keperluan keperluan dan jenis aktiviti yang dijalankan. Antara data yang biasa dikumpulkan adalah demografik ringkas peserta, kepuasan peserta terhadap aktiviti yang dijalankan serta harapan terhadap aktiviti yang diadakan pada masa hadapan. Data yang dikumpul bertujuan bagi penyerahan sijil penyertaan, audit jejak serta pelaporan MyRA FM. Gambarajah 3d adalah merujuk kepada platform pengumpulan data peserta program terdiri daripada pihak awam manakala Gambarajah 3e adalah tren penambahan kaedah pengumpulan data FM 2018, 2019 dan 2020. Kedua-dua gambarajah ini boleh dirujuk pada lampiran Kriteria 3: Tumpuan Kepada Pelanggan.

**SENARAI BUKTI :**

1. [LAMPIRAN KRITERIA 3 - Tumpuan Kepada Pelanggan\\_compressed.pdf](#)



## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

#### ***Pembiayaan Penganjuran Program***

Penganjuran program-program dan aktiviti-aktiviti dalam usaha pembangunan kumpulan sasaran sentiasa mendapat sokongan jitu daripada pihak FM. Pembiayaan penuh atau separa penuh sentiasa disalurkan bagi memastikan kelancaran aktiviti yang dijalankan. Selain daripada pembiayaan daripada pihak fakulti, pemegang taruh juga terlibat dalam beberapa pembiayaan. Sebagai contoh, penglibatan syarikat Bandoru yang membiayai sebanyak RM10,000.00 bagi pelaksanaan konsert keusahawanan program Diploma Muzik MU110, dan program-program *masterclass* dan persembahan yang dibiayai kedutaan-kedutaan antarabangsa di Malaysia seperti di dalam *Gambarajah 3f*. Gambarajah ini boleh dirujuk pada lampiran Kriteria 3: Tumpuan Kepada Pelanggan.

#### ***Pendedahan dan Pengiktirafan Kepada Pelajar Melalui Penglibatan Aktiviti Muzik***

Penggalakan penglibatan diri dalam aktiviti-aktiviti luar kuliah amat ditekankan kepada pelajar. Melalui aktiviti-aktiviti ini juga para pelajar dan staf berjaya mendapat pengiktirafan bukan sahaja di peringkat lokal tetapi di peringkat dunia seperti kejayaan UiTM Chamber Choir yang berjaya meraih tiga medal emas di Poland pada tahun 2019 dan empat penganugerahan dari Jepun pada tahun 2020 seperti di dalam *Gambarajah 3g*. Gambarajah ini boleh dirujuk pada lampiran Kriteria 3: Tumpuan Kepada Pelanggan yang telah dikepilkan.

#### ***Hubungan Diplomatik Antara Institusi Dan Industri***

Selain daripada pengiktirafan, pelaksanaan aktiviti-aktiviti dan program-program FM telah berjaya menyemarakkan hubungan diplomatik antara Malaysia dan negara luar. Konsert Colombia - Malaysia, *Industry Talk Series* bersama Dr. Haekyung Um dari University of Liverpool (United Kingdom), serta MOU dan MOA yang berjaya diperolehi dari beberapa institusi peringkat antarabangsa seperti di dalam *Gambarajah 3h*. Gambarajah ini boleh dirujuk pada lampiran Kriteria 3: Tumpuan Kepada Pelanggan.

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [LAMPIRAN KRITERIA 3 - Tumpuan Kepada Pelanggan\\_compressed.pdf](#)
2. [MOA Estonia 1.pdf](#)
3. [MOA Germany 1.pdf](#)

### **3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

#### **Limitasi Gerak Kerja Pekerja**

Mulai bulan Mac 2020, penggerakan masuk ke kampus telah dihadkan oleh pihak UiTM berikutan arahan Kementerian Pengajian Tinggi bagi mencegah penularan COVID-19. Gerak kerja di kalangan staf mengalami perubahan yang drastik dan kaedah pemantauan yang sedia ada tidak lagi dapat diguna pakai.

#### **Kemudahan Pelajar Menyertai Open Distance Learning**

Selain daripada perubahan terhadap gerak kerja staf, sesi pembelajaran juga turut menerima impak yang sama. Sesi pembelajaran tidak lagi boleh dilakukan secara fizikal dan perlu diolah menggunakan kaedah Open Distance Learning iaitu pembelajaran secara jarak jauh menggunakan platform digital dan Learning Management System (LMS) yang sedia ada Google Meet, Microsoft Teams dan Google Classroom.

Namun begitu, melalui maklum balas yang diterima melalui Google Form yang disebarikan kepada pelajar oleh pihak Hal Ehwal Pelajar FM, didapati sekumpulan pelajar mempunyai permasalahan dalam mengikuti sesi pembelajaran atas talian. Hal ini boleh dirujuk pada Gambarajah 3j yang telah dilampirkan pada lampiran Kriteria 3: Tumpuan Kepada Pelanggan. Antara masalah-masalah utama yang dapat dikenalpasti ialah ketidakstabilan sambungan internet, tiada peranti elektronik yang bersesuaian seperti komputer riba atau telefon pintar yang bermasalah dan juga masalah kewangan untuk membeli data internet secara konsisten.

#### **Kemudahan Pelajar Meminjam Peralatan Muzik**

Selain permasalahan mengikuti sesi pembelajaran secara talian, pelajar juga menghadapi masalah untuk mengakses peralatan muzik yang disediakan oleh FM. Sejumlah pelajar masih bergantung pada peralatan muzik yang disediakan di ruang fasiliti FM. Berikutan mobiliti terhad, kumpulan pelajar ini tidak dapat mengakses peralatan muzik, sekaligus memberi impak pada sesi pembelajaran. Pelajar-pelajar ini telah dikenalpasti melalui Google Form yang telah disebarikan oleh Koordinator Program bagi mendapat data serta maklum balas pelajar terhadap perubahan yang terjadi pada tahun 2020.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [LAMPIRAN KRITERIA 3 - Tumpuan Kepada Pelanggan\\_compressed.pdf](#)
2. [ANALISA PEMILIKAN PERANTI ELEKTRONIK DAN ALAT MUZIK DI KALANGAN PELAJAR FM SEMASA MCO Mac\\_April 2020.pdf](#)

### 3.4.3 MENGENALPASTI KEPERLUAN SEMASA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Setiap laporan gerak kerja, data, maklumbalas serta aduan yang dikumpul oleh pihak FM akan melalui proses analisa bagi memastikan penambahbaikan dapat dilakukan pada masa hadapan. Perkara ini dilakukan sebagai satu inisiatif untuk penambahbaikan proses serta meningkatkan impak keberhasilan gerak kerja. Menggunakan data yang diperolehi, pentadbiran FM mengenalpasti keperluan semasa dan kehendak kumpulan sasaran. Antara tindakan penambahbaikan yang diambil oleh pihak fakulti ialah dengan menyediakan satu laman web bagi mempermudah staf melaporkan gerak kerja harian yang dilakukan ketika bertugas daripada kediaman sendiri. Hal ini dilakukan kerana kaedah pemantauan yang sedia ada tidak lagi dapat diguna pakai berikutan larangan pergerakan ke tempat kerja ketika Perintah Kawalan Pergerakan dijalankan. Hal ini boleh dirujuk pada Gambarajah 3k pada lampiran Kriteria 3: Tumpuan Kepada Pelanggan.

Pentadbiran FM juga menggalakkan staf akademik untuk menggunakan kaedah pengajaran yang pelbagai bagi memperbolehkan semua pelajar mendapat akses kepada pembelajaran dan pengajaran secara lancar. Pentadbiran menerima pakai platform-platform lain seperti emel, aplikasi WhatsApp sebagai platform pengajaran selain daripada platform yang disyorkan seperti Google Classrooms dan UFuture.

Manakala bagi menyelesaikan masalah peminjaman peralatan muzik fakulti, pentadbiran FM telah memberi peluang pelajar-pelajar membuat permohonan untuk tinggal di kolej-kolej kediaman di kampus Shah Alam. Malahan, segala dokumentasi dan borang yang dilakukan secara manual sebelum ini, telah ditukarkan kepada permohonan secara atas talian memastikan kelancaran gerak kerja pentadbiran antara fakulti dan kumpulan sasaran. Gambarajah 3l menunjukkan penambahbaikan yang dilakukan pada tahun 2020. Gambarajah ini boleh dirujuk pada lampiran Kriteria 3: Tumpuan Kepada Pelanggan.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [LAMPIRAN KRITERIA 3 - Tumpuan Kepada Pelanggan\\_compressed.pdf](#)

### **3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Pelbagai inisiatif yang diadakan pada tahun 2019 dan 2020 yang telah diadaptasikan dalam gerak kerja harian pentadbiran FM. Antaranya ialah penukaran dokumen serta borang-borang fizikal kepada format digital melalui Jawatankuasa Inisiatif Digital. Melalui kaedah ini, kelangsungan gerak kerja FM dapat dilangsungkan hampir ke tahap seperti biasa walaupun dengan adanya larangan pergerakan COVID-19.

Selain itu, kaedah penilaian studio pelajar juga telah diubah format daripada penilaian konvensional kepada penilaian secara atas talian. Sekiranya sebelum ini pelajar dikehendaki mempersembahkan permainan peralatan muzik secara bersemuka, kini pelajar hanya dikehendaki menghantar rakaman persembahan secara atas talian untuk dinilai oleh panel penilai yang dilantik. Inisiatif ini bukan hanya terbukti berkesan ketika PKP dijalankan, malahan ia boleh diguna pakai pada masa hadapan bagi program pembelajaran jarak jauh.

#### **SENARAI BUKTI :**

## **KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN**

### **4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Pengukuran keberkesanan dan impak fakulti adalah teras pelestarian pelaksanaan aktiviti fakulti, terutamanya untuk pengurusan dan pembangunan pelajar. Oleh sebab itu, terdapat lima komponen utama untuk memastikan perancangan aktiviti FM dapat mencerminkan kekuatan fakulti terutamanya untuk kluster sains sosial. Melalui teras ini, perancangan jangka masa pendek, sukuan serta perancangan jangka masa panjang dirancang oleh ahli jawatankuasa yang dilantik fakulti. Penanda aras yang ditetapkan adalah selari dengan keperluan dan kehendak universiti melalui Perancangan Strategik UiTM (CSPI), Malaysian Research Assessment (MyRA), pencapaian akademik pelajar, kepuasan pelanggan dan pemegang taruh, kadar kemasukkan pelajar.

Dari segi pelan pengurusan pengukuran, FM mengambil berat mengenai pengagihan tugas secara menyeluruh dan setimpal dengan pemberatan tanggungjawab setiap staf. Oleh sebab itu, untuk memastikan setiap penanda aras ini diberi perhatian yang menyeluruh, pihak FM mengagihkan tugas melalui beberapa jawatankuasa atau jawatankuasa kecil yang dilantik oleh fakulti atau dari peringkat universiti. Secara keseluruhannya, terdapat 30 jawatankuasa dalam FM bagi melaksanakan tugas pelaksanaan ke arah mencapai penanda aras yang ditetapkan. Staf-staf yang dilantik ini menjadi orang tengah untuk memahami dan membantu merancang hala tuju penanda aras tersebut. Mereka memahami keperluan memenuhi penanda aras tersebut dan menggubal strategi tersendiri supaya ia dapat dilaksanakan.

Setelah setiap jawatankuasa yang dilantik memahami tanggungjawab dan tugas melalui bengkel-bengkel khas yang disediakan khusus untuk jawatan tersebut, staf-staf ini dapat merangka pelan jangkamasa pendek, sukuan serta jangka panjang untuk merealisasikan pelan tindakan yang rangka. Pelaksanaan berlaku dari peringkat jawatankuasa tersebut dibawah penyeliaan dekan.

Dari segi pemantauan, FM mengumpul maklumat mengikut garis masa yang ditetapkan oleh koordinator dan ketua ahli jawatankuasa tersebut. Pengumpulan data MyRA contohnya, dilakukan dua minggu sebelum tarikh akhir takwim sukuan yang dikeluarkan oleh pejabat pusat pengumpulan penyelidikan (RMC). Pada amnya, pemantauan dibentangkan sekitar awal sukuan keempat oleh kesemua jawatankuasa di peringkat fakulti. Ini dijalankan untuk membenarkan masa yang cukup untuk tindak balas pecutan terakhir jika perlu atau melaraskan strategi asal untuk merelisasikan penanda aras yang disebutkan tadi.

Melalui mesyuarat fakulti Bil. 2019/6 dan Bil. 2020/7, perkongsian antara jawatankuasa yang lain dapat mengekalkan ketelusan amanah kerja yang ditugaskan serta membantu sesama jawatankuasa untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Penambahbaikan dari segi strategi, pengumpulan maklumat serta idea baharu dibincangkan dan didokumentasi melalui minit mesyuarat serta di fail-fail salinan lembut melalui Google Drive. Bergantung pada kemajuan aplikasi dan sistem UiTM, proses mengukur dan mendokumentasi keterlibatan dan pencapaian adalah tersusun dan sistematik.

## 4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Demi memastikan proses pengurusan dan pembangunan pelajar berjalan dengan efektif, pihak FM menggunakan pendekatan pemerksaan (leadership by empowerment) dari setiap unit jawatankuasa untuk membuat perancangan dan tindakan yang sewajarnya untuk menjalankan pelan tindakan. Melalui pemerksaan ini, setiap jawatankuasa yang dilantik akan diberi autonomi untuk merancang pergerakan perancangan aktiviti mengikut lima teras komponen pengukuran. Ini akan menggalakan penghasilan aktiviti-aktiviti lebih kreatif di kalangan jawatankuasa-jawatankuasa tersebut. Di samping itu, persaingan sihat dan kebolehan bekerja sama dalam kumpulan dapat memupuk ciri-ciri kepimpinan untuk membenarkan staf tersebut untuk mengambil alih tugas yang lebih berat di masa hadapan. Untuk tujuan laporan ini, penanda aras PI tidak akan dibincangkan kerana ia dibincangkan pada seksyen yang lain.

Untuk pengukuran MyRA, terdapat dua pengukuran penting iaitu, penarafan bintang dari peringkat fakulti serta jumlah staf akademik yang berada dalam senarai denominator berpotensi yang rendah. Jumlah data yang diterima pakai pada sukuan terakhir penghantaran maklumat dicerminkan melalui keputusan MyRA fakulti yang diserahkan pada dekan fakulti. Pengurusan data MyRA dibuat diperingkat fakulti mengikut takwim pengumpulan data MyRA.

Bagi pencapaian akademik pelajar, ia diukur dengan pencapaian prestasi pada setiap semester. Namun begitu, FM mengambil berat perkembangan bakat (talent management) pelajar yang bergerak selari dengan pencapaian akademik melalui penglibatan pelajar dalam pengendalian projek, dan penyertaan dalam pertandingan yang berkaitan dengan bidang pengajian mereka. Di samping itu, pengukuran pelajar tamat dalam tempoh (Graduate on Time) terutamanya pelajar pasca siswazah serta peratusan pelajar mendapat keputusan tertinggi melalui sijil Anugerah Dekan serta bilangan Penerima Anugerah Naib Canselor.

Pelajar, alumni, pengamal industri dan para akademia bukan dari Fakulti Muzik merupakan pelanggan dan pemegang taruh fakulti ini. Dari segi pengukuran kepuasan pelanggan iaitu pelajar dapat dicerminkan melalui borang maklum balas pelajar atas talian (SuFO). Bagi jalinan bersama industri terutamanya dari segi maklum pelajar sebagai produk khidmat UiTM, laporan dari pihak industri dapat dikenal pasti di samping mengumpul maklumat melalui pendekatan etnografi ketika membuat pemantauan pelajar di tempat kerja praktikal. Kepuasan dari alumni juga dipantau melalui jaringan Alumni (ICAN) dikenal pasti melalui penglibatan mereka di UiTM di dalam ceramah perkongsian ilmu dan penglibatan mereka di dalam aktiviti fakulti. Untuk melihat keberkesanan dan kepuasan rakan akademia adalah melalui kepercayaan universiti luar memilih FM UiTM di dalam proses penarafan QS World University Ranking sama ada dari segi bidang atau merangkumi keseluruhan universiti.

Akhir sekali adalah pengukuran penanda aras kemasukan pelajar ke FM. Pelajar merupakan aset utama FM dan keyakinan UiTM akan memberi peluang pendidikan berkualiti sepanjang hayat perlu dititikberatkan. Oleh sebab itu, sebarang penarikan diri harus disiasat untuk memastikan pelajar tidak meninggalkan FM atas sebab ketidakpuasan hati atau hilang keyakinan terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh fakulti.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [1. Senarai Jawatankuasa FM 2020.pdf](#)
2. [2. MyRA FM 2019 2020.pdf](#)
3. [3. SENARAI DENOMINATOR BERPOTENSI FAKULTI MUZIK BAGI TAHUN 2019.PDF](#)
4. [4. SuFO Mac - Sept 2019 Diploma Landscape.pdf](#)
5. [5. SuFO Mac - Sept 2019 Master Degree.pdf](#)

### **4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

Bagi pelaporan MyRA, semua staf akademik fakulti mempunyai fail data peribadi tersendiri yang disediakan koordinator MyRA melalui Google Drive "MyRA Drop Folder" yang dilengkapkan dua minggu sebelum tarikh muat naik data kepada senarai induk RMC. Pengukuran dari peringkat FM bagi komponen ini adalah untuk memastikan data yang salurkan kepada pihak pengurusan pengiraan data MyRA dapat dikira dan disumbangkan untuk skor MyRA pada tahun tersebut. Oleh sebab itu, penguasaan mengenai takrifan dan pelaporan adalah penting untuk menjamin pengumpulan data yang berkesan. Pada September 29, 2020, sebuah taklimat khas kepada fakulti telah dijalankan untuk membantu staf Fakulti Muzik memahami kepentingan sumbangan setiap staf akademik kepada data MyRA supaya senarai denominator berpotensi dapat dikurangkan. Bagi membantu staf mengukur impak program yang dijalankan oleh fakulti, satu borang contoh telah dimuat naik untuk rujukan semua staf akademik fakulti.

Semua koordinator program memainkan peranan penting untuk memastikan keadaan persekitaran pembelajaran yang kondusif. Melalui keterlibatan ini, koordinator dapat menyelesaikan sebarang isu pencapaian akademik pelajar dari peringkat awal lagi. Selain memperoleh pencapaian akademik yang baik, pelajar-pelajar ini diberi pengiktirafan dengan penajaan mereka ke program-program berprestij di luar negara. Sebagai contoh, Danial Nazrin (CGPA 3.75) dari program MU220 yang berpeluang untuk menyertai kem GLOMUS di Georgia pada tahun 2019, Azrul Asyraf (CGPA 3.41) dari program MU222 yang diberi peluang menyertai Asian Fellowship Program pada tahun 2020, Siti Balqis Amanina Masnan (CGPA 3.77 dan tamat dengan ANC pada tahun 2019) dari program MU221 yang menyertai persembahan untuk persidangan SEADOM serta Efa Syafira dari program MU221 (CGPA 3.92) yang menyertai beberapa pertandingan koir antarabangsa seperti Jean Sibelius Choir Contest serta Remini International Choral Competition.

Dari segi analisis pengukuran kepuasan pelajar, ia diperolehi dari analisa SuFO untuk setiap kursus yang diambil. Analisa pemegang taruh dan industri yang bergiat secara langsung dengan fakulti, analisa dilakukan dengan mengambilkira bilangan Memorandum of Understanding (MoU) yang mengambilkira penglibatan pelajar ataupun hubungan sebagai institusi pengambilan praktikum pelajar, laporan akhir pelajar dan komunikasi secara lisan. Dari segi analisa kepuasan alumni pula, satu borang kaji selidik telah diedarkan pada tahun 2020 untuk menjejaki alumni dengan tujuan memupuk hubungan sepanjang hayat antara alumni dengan FM. Dari segi menjalinkan ketampakan fakulti muzik dengan rakan akademik universiti antarabangsa dan tempatan yang lain, keterlibatan dialog akademik dipertingkatkan melalui diskusi ketika persidangan, aktiviti-aktiviti kolaborasi serta aktiviti mempromosikan kejayaan fakulti melalui laman QS Wow News dan UiTM News Hub seperti yang dilakukan atas kejayaan komposisi program Batik Girl.

Dari segi bilangan enrolmen pelajar pula, data yang diperolehi menunjukkan tren enrolmen pelajar yang selesa dan agak konsisten mengikut semester. Mengikut pola perbandingan enam semester, dari 2018-2020, terdapat peningkatan untuk kemasukkan Mac-Julai, pada 2019 iaitu sebanyak peningkatan sebanyak 49 orang, manakala perbezaan peningkatan daripada 2019 dan 2020 adalah seramai 6 orang. Bagi kemasukkan September-Januari terdapat pengurangan sebanyak 6 orang daripada 151 pelajar baharu pada tahun sebelumnya dan peningkatan sebanyak 23 pelajar baharu pada tahun Oktober 2020. Enrolmen pelajar antarabangsa juga meningkat dari 2 orang ke 19 orang pada tahun 2020, sebuah peningkatan positif oleh FM. Aktiviti mempromosikan Fakulti Muzik dan program-program yang ditawarkan telah diadakan di Petrosains Carnival pada tahun 2019, dan Ekspo Selangkah ke UiTM pada tahun 2020.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [2. Dening me myson and my v .pdf](#)
2. [3. KAJIAN PENGESANAN GRADUAN FAKULTI MUZIK MAC 2020 \(Responses\).pdf](#)
3. [4. UiTM Faculty of Music Composes Soundtrack for an Award Winning 2D Animated Film. Batik Girl – UiTM News Hub\\_compressed.pdf](#)
4. [5. DATA KEMASUKAN PELAJAR BAHARU MU\\_BIL PELAJAR TEM\\_ANTARABANGSA PROG PG.pdf](#)
5. [6. Ekspo selangkah.pdf](#)



## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pemantauan PI untuk MyRA dilakukan pada setiap suku setiap tahun bagi melihat perkembangan serta mengemaskini data yang akan disalurkan kepada RMC atau bahagian perancangan strategik universiti. Bagi pengurusan pemantauan MyRA, untuk memastikan strategi pelaporan adalah mengikut takrifan dan cara pelaporan terkini, pentauliahan atau latihan berterusan adalah penting untuk penguasaan pengumpulan data adalah penting. Oleh sebab itu, taklimat pengumpulan data pada 2 April 2020 dan 17 Ogos 2020 telah dihadiri oleh ahli jawatankuasa untuk mengetahui perubahan terkini proses pengumpulan data MyRA. Untuk memastikan senarai denominator berpotensi berkurangan bagi setiap tahun, penyemak “MyRA drop folder” akan berkomunikasi dengan staf akademik tersebut untuk memastikan tiada data yang masih lagi belum dimuat naik sebelum tarikh pemindahan data pada senarai induk. Taklimat PI juga dijalankan dari masa ke masa bagi melengkapkan bahagian jawatankuasa dengan maklumat dan strategi pengumpulan serta pelestarian aktiviti fakulti. Untuk memudahkan komunikasi bersama jawatankuasa yang lain, komunikasi secara aplikasi mudah alih digunakan untuk menyebarkan informasi kepada staf yang tersasar.

Dari segi pemantauan prestasi pelajar, data pencapaian akademik diperolehi dari mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF) bagi perbandingan dan analisa statistik prestasi pelajar pada setiap akhir semester. Prestasi akademik juga dipantau oleh penasihat-penasihat akademik yang ditugaskan untuk menasihati pelajar-pelajar secara kumpulan kecil. Pada tahun 2019, pemantauan serta perjumpaan pelajar masih dilakukan secara bersemuka namun, aktiviti perjumpaan pada tahun 2020 berlaku secara maya.

Selain daripada analisa maklumbalas SuFO, kepuasan pemegang taruh juga diambil kira melalui aduan-aduan berkenaan perkhidmatan yang ditawarkan oleh fakulti. Segala aduan dan maklumbalas yang diterima tidak kira dari pelajar, alumni dan industri akan diambil tindakan sewajarnya dan segala maklumat adalah sulit untuk melindungi kepentingan pemegang-pemegang taruh ini.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [1. MyRA Drop.pdf](#)
2. [2. MyRA Drop individual self deposit.pdf](#)
3. [3. Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti 23 Ogos 2021.pdf](#)

#### **4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Dari segi pengukuran data, terdapat beberapa risiko yang telah dikenalpasti. Risiko yang dimaksudkan melibatkan kejituan pengurusan pengumpulan data serta kegagalan mencapai sasaran dengan jurang yang besar dari jangkaan. Kegagalan mencapai sasaran MyRA dan PI memberi implikasi kepada pencapaian fakulti. Faktor yang menyumbang kepada risiko ini salah satunya disebabkan oleh peralihan daripada aktiviti bersemuka akibat pandemik pada tahun 2020. Oleh sebab itu perubahan perancangan garis masa pensyarah secara individu terganggu. Sebagai contoh, terdapat persidangan yang menangguhkan tarikh persidangan kepada tarikh yang baharu. Apabila masuknya tahun seterusnya persidangan dijalankan secara atas talian, dan oleh sebab itulah terdapat kurang peluang bersemuka untuk pensyarah membina jaringan dan mendapatkan maklumbalas mengenai kajian mereka dengan pakar-pakar tertentu. Aktiviti networking amat penting untuk staf akademik menjalinkan hubungan baik demi penarafan fakulti seperti QS World Ranking dan untuk membina kolaborasi akademik yang berpotensi dan juga penglibatan mereka dengan pelajar. Untuk mengatasi masalah ini, fakulti menggalakan staf akademik untuk menyertai persidangan yang berbentuk maya dan meningkatkan ketampakan melalui aktiviti webinar dan kolaborasi dengan rakan akademik dari dalam dan luar negara.

Sebuah lagi potensi risiko yang luar kawalan adalah aduan dan luahan ketidakpuasan pelajar melalui platform social media atau saluran alternatif yang dapat menjejaskan imej dan keharmonian fakulti. Fakulti mengambil berat ketidakpuasan pelajar yang diajukan melalui fakulti, oleh sebab itu, untuk mengurangkan risiko ini berlaku, koordinator program telah diamanahkan untuk mengingatkan pelajar pada awal semester mengenai Akta 174 dan memberi jaminan pada pelajar setiap masa bahawa fakulti memandangi setiap aduan sebagai sebuah isu yang serius yang patut ditangani melalui saluran-saluran yang betul yang disediakan oleh fakulti dan UiTM.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [2. MyRA FM 2019 2020.pdf](#)
2. [2.MyRA Drop individual self deposit.pdf](#)
3. [1. MyRA Drop.pdf](#)

#### 4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Melaraskan dan mengkaji semula pelan sasaran adalah penting untuk dilakukan secara berperingkat untuk memastikan matlamat sasaran tercapai atau hampir tercapai dengan jurang yang kecil. Oleh sebab itu, bagi komponen MyRA dan PI, tindakan dibuat pada pungutan data sukuan. Ketika ini, pelarasan dan penukaran strategi dapat diselaraskan untuk mencapai matlamat sasaran untuk menyumbang pada pencapaian fakulti. Di samping itu, penekanan pembelajaran berterusan penting untuk membantu staf akademik yang mempunyai kurang keyakinan untuk mengajukan idea ketika diskusi. Oleh sebab itu, fakulti telah memperkenalkan “Kluster Penyelidik Muda Fakulti Muzik” (Early career research cluster) yang mengadakan perbincangan secara bulanan untuk mendedahkan staf akademik yang baharu dalam isu-isu menjalankan kajian melalui kaedah pembangunan sesama rakan sekerja atau peer development.

Langkah-langkah mengatasi prestasi yang rendah dibincangkan bersama dekan dan timbalan dekan. Sebagai contoh, mencadangkan pengurangan aktiviti-aktiviti kokurikulum tambahan bagi pelajar yang lemah, mengurangkan kemasukkan aktiviti persembahan fakulti bagi pelajar yang lemah serta mencadangkan pelajar yang bermasalah untuk mengadakan sesi dengan kaunselor. Selain daripada itu, klinik akademik pelajar pernah dibincangkan pada mesyuarat fakulti Bil. 7/2020 dan dijalankan secara berkala untuk memberi peluang para pelajar untuk mengajukan sebarang persoalan mengenai masalah akademik pada pensyarah pilihan mengikut jadual tertentu.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [Minit Mesyuarat Bil 7 2020\\_compressed \(1\)-1-14.pdf](#)
2. [Minit Mesyuarat Bil 7 2020\\_compressed \(1\)-1-14.pdf](#)

#### **4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Melalui data yang diperolehi sambil mengambilkira faktor perkembangan pandemik COVID-19 yang akan berterusan hingga 2021, ketelusan dan keternampakan FM adalah penting untuk memastikan rujukan data pengukuran dapat dilihat oleh seluruh warga FM. Melalui peningkatan penggunaan teknologi dan penyimpanan data secara atas talian, perolehan data menjadi lebih mudah. Bahagian Pembangunan Infostruktur UITM telah membekalkan staf dan pelajar dengan kemudahan beberapa platform digital seperti Google Suite, Microsoft 365, Cisco Webex dan lain-lain untuk memudahkan proses dokumentasi prestasi pengukuran.

Melalui analisis ini, kelemahan sistem dapat dikenalpasti untuk ditambahbaik dan membenarkan lagi pengurusan maklumat secara sendiri dan berintegritas. Ini dapat mengurangkan masa dari segi pengumpulan data untuk membenarkan analisis pengukuran fakulti dapat dilakukan dengan lebih kerap. Dengan mempraktikkan model penyelenggaraan secara berkala, proses menyelesaikan masalah berkaitan pengukuran dapat di pertingkatkan dan menjadi efisien.

Selain itu, FM juga aktif memuat naik perkembangan terkini mengenai kegiatan fakulti di media sosial fakulti iaitu Facebook, Twitter dan Instagram, laman perkongsian video YouTube serta laman web rasmi fakulti untuk meyakinkan pemegang taruh serta bakal pelajar baharu dengan keupayaan fakulti sebagai satu institusi pengajian tinggi yang berkaliber. Selain itu, aplikasi ini menjadi ruang berkomunikasi alternatif kepada masyarakat umum di dalam sumbangan maklumbalas kepada perkembangan fakulti.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [Minit Mesyuarat Bil 7 2020\\_compressed \(1\)-1-14.pdf](#)
2. [Minit Mesyuarat Bil 7 2020\\_compressed \(1\)-90-93.pdf](#)
3. [Minit Mesyuarat Bil 7 2020\\_compressed \(1\)-1-14.pdf](#)
4. [Minit Mesyuarat Bil 7 2020\\_compressed \(1\)-90-93.pdf](#)

## **KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA**

### **5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Sumber manusia merupakan elemen utama yang menjadi tumpuan kepada kejayaan sesuatu inisiatif strategik yang dirancang untuk menjayakan visi dan misi FM. FM sentiasa peka terhadap pengurusan dan pembangunan pelajar yang merupakan tumpuan utama penyediaan laporan ini di mana ke semua staf akademik dan staf pentadbiran terlibat dalam menjayakan agenda tersebut. Dalam memastikan inisiatif strategik tahunan mencapai sasaran KPI FM dan Universiti, FM sentiasa memberi galakan terhadap penglibatan secara menyeluruh semua staf akademik dan staf pentadbiran.

Pihak FM mempunyai struktur pengurusan di bawah unit Hal Ehwal Pelajar (HEP) yang menjalankan fungsi iaitu pembangunan dan kepimpinan pelajar serta menyediakan kemudahan dan perkhidmatan kepada pelajar. Selain daripada unit HEP FM, Unit Hal Ehwal Akademik (HEA) merupakan tumpuan utama dalam memainkan peranan di dalam perkara yang melibatkan hal ehwal akademik pelajar. Antara peranan yang dimainkan oleh unit HEP adalah merancang, memantau, serta mengendalikan aktiviti-aktiviti pembangunan dan kepimpinan pelajar seperti Minggu Destini Siswa (MDS), MPP, pilihan raya FM, dan sebagainya manakala unit HEA pula akan memastikan penglibatan pelajar dalam aktiviti akademik di dalam dan luar kampus dapat dijalankan dengan jayanya.

Selain daripada dua unit di atas, staf akademik FM juga diberi autonomi dalam mengendalikan aktiviti-aktiviti yang melibatkan pengurusan dan pembangunan pelajar. Staf akademik FM mempunyai bidang kepakaran masing-masing di mana kepakaran serta pengalaman tersebut dimanfaatkan secara optimum melalui aktiviti-aktiviti yang dirancang dan dijalankan. Antara contoh yang dapat diberi adalah PM Dr. Masashi Kishimoto yang mempunyai pakar bidang dalam Choral Conducting. Hasil kejayaan UiTM Chamber Choir (UCC) di peringkat antarabangsa adalah hasil pengetahuan dan kepakaran beliau. Begitu juga dalam Jazz performing group di bawah bimbingan En Rizal Ezuan Tony yang mempunyai kepakaran dalam bidang Jazz Studies. Program seperti Konsert UiTM-UNESCO International Jazz Day Celebration 2019 telah mendapat pengiktirafan UNESCO di bawah usaha memartabatkan muzik Jazz.

Tidak lupa juga kepada staf pentadbiran yang memainkan peranan penting dalam membantu dan menyokong terhadap perancangan strategik yang telah ditetapkan oleh UiTM dan FM khususnya. Bukan sahaja menjalankan tugas hakiki di pejabat, staf pentadbiran membantu dalam pengurusan acara, teknikal, rekaan grafik, protocol dan sebagainya. Sumbangan ini diambilkira dalam penilaian tahunan staf.

Pelbagai program telah dianjurkan oleh FM dan pihak fakulti sentiasa memastikan sumber manusia menjadi pendorong utama dalam memastikan tumpuan kepada pengurusan dan pembangunan dapat dilaksanakan samada di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Pada tahun 2019, aktiviti pembangunan pelajar masih dilaksanakan secara bersemuka namun cabaran mula dihadapi pada tahun 2020 apabila seluruh dunia dilanda pandemik COVID-19. Kebanyakan program terpaksa ditangguhkan atau dijalankan secara atas talian. Namun perkara ini tidak mematahkan semangat dan usaha staf akademik dan pentadbiran FM. Staf akademik dan staf pentadbiran bergabung tenaga untuk terus bekerjasama dalam memantau dan mengambil tindakan terhadap segala isu-isu yang timbul dapat diatasi. Setiap program yang dijalankan mempunyai risiko yang berlainan dan ini dapat atasi dengan tindakan penambahbaikan yang boleh dilakukan pada program di masa akan datang.

## 5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Dalam mengoptimalkan kepakaran dan pengalaman sumber manusia seperti yang terdapat pada jadual 1 di dalam lampiran 1, FM sentiasa menyokong staf akademik dalam memastikan tugas hakiki dapat dijalankan dengan baik terutamanya di dalam pengajaran & pembelajaran, penyeliaan, perundingan dan penyelidikan. Selain itu, penglibatan staf akademik dalam penganjuran program pembangunan pelajar melalui bengkel, konsert, webinar, masterclass dan sebagainya dapat membantu FM mencapai pelan perancangan strategik yang telah ditetapkan. Bagi staf pentadbiran pula, sokongan sentiasa diberi dalam membantu menjayakan program-program yang dirancang dan dilaksanakan oleh FM.

Bagi memastikan bidang tumpuan FM iaitu pengurusan dan pembangunan pelajar dapat dijayakan, FM sentiasa melibatkan seluruh staf FM di dalam perancangan strategik yang dijalankan setiap tahun. Ini bertujuan untuk membuat perbincangan serta perancangan terhadap program-program yang dijalankan pada tahun tersebut (2019 dan 2020). Perancangan strategik ini dijalankan bagi memastikan visi, misi dan objektif UiTM tercapai. Amanat Naib Canselor disampaikan setiap tahun kepada seluruh warga UiTM untuk memastikan segala objektif yang ingin dilaksanakan pada tahun berkenaan dapat disampaikan dan seterusnya dilaksanakan di peringkat jabatan masing-masing. Melalui perancangan strategik di peringkat FM, KPI dan PI dikenalpasti dan diagihkan kepada kumpulan yang telah ditetapkan bagi membuat perancangan mengikut tema seperti Hal Ewal Akademik, Hal Ewal Pelajar, Jaringan Industri dan Alumni, Penyelidikan dan Inovasi, Keusahawanan, dan Pentadbiran serta penjana pendapatan. Manakala bagi tahun 2020, UiTM telah melancarkan Pelan Strategik UiTM 2025 bagi perancangan untuk 5 tahun. Perancangan strategik tahun 2020 memberi 6 fokus iaitu, (i) Penerbitan, Penyelidikan, Geran dan NTRO, (ii) Penglibatan industri melalui MoU/MoA, Komuniti dan Alumni, (iii) Graduan yang mempunyai ciri-ciri keusahawanan dan seimbang, (iv) Penjana pendapatan, (v) Mobiliti Staf dan Pelajar dan (vi) Subject Ranking #Top100.

Selain itu, bagi menjayakan bidang pengurusan dan pembangunan pelajar, FM mengoptimalkan kepakaran dan pengalaman sumber manusia di dalam bidang-bidang masing-masing melalui sumbangan kepada komuniti dan industri seperti di jadual 2 di dalam lampiran 1.

Perancangan strategik FM juga mengambilkira terhadap bidang kepakaran staf akademik dalam membantu menjayakan program pembangunan pelajar. Ini dapat dilihat pada jadual 3 di dalam lampiran 1.

Berdasarkan senarai kepakaran yang telah diberi di dalam jadual 3, tidak dapat dinafikan bahawa kepakaran pensyarah-pensyarah turut membantu dalam pembangunan pelajar. Dr. Rithaudin Md Noor yang merupakan Timbalan Dekan HEP sentiasa memastikan program-program berunsur kepimpinan dijalankan dibawah unit HEP FM. Ini dapat dilihat melalui program yang telah dijalankan melalui Modul Kepimpinan Ikon, Modul Kepimpinan Profesional Modul Kepimpinan Survival Bangsa untuk pelajar-pelajar Diploma dan Sarjana Muda. Antara contoh lain adalah melalui kepakaran En Mohd Kamrulbahri Hussin dalam bidang muzik tradisional. Beberapa program dijalankan dan memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar beliau di dalam persembahan.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [PROGRAM FM 2019.xlsx - Sheet1.pdf](#)
2. [Grand dan Award Penyelidikan Para Pensyarah bagi 2019 dan 2020.pdf](#)
3. [Lampiran 1.pdf](#)
4. [Slide Perancangan Strategik 2019.pdf](#)
5. [Slide Perancangan Strategik 2020.pdf](#)

### 5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

FM sentiasa memastikan program yang dianjurkan adalah selari dengan visi, misi dan objektif UiTM dalam mencapai keberhasilan bidang pengurusan dan pembangunan pelajar serta melestarikan reputasi sebagai institusi pendidikan muzik tertua di negara ini. Penyebarluasan maklumat menggunakan beberapa platform seperti Mesyuarat Pengurusan, Mesyuarat Akademik, Amanat Dekan dan media sosial.

Kepimpinan kanan FM memberi peluang kepada staf akademik untuk merancang dan menggerakkan aktiviti pembangunan pelajar dengan menggunakan kepakara masing-masing. Selain itu, pembentukan jawatankuasa, lantikan ketua projek, lantikan pengarah muzik dan lain-lain merupakan komponen penting dalam menjayakan program tersebut. Seterusnya, perancangan aktiviti tahunan diselaraskan oleh Koordinator Program bagi memastikan pengurusan FM dapat merangka secara menyeluruh sasaran perancangan strategik, garis masa dan juga aspek kewangan.

Pelbagai program yang dijalankan oleh staf akademik untuk memberi peluang dan platform kepada pelajar bukan sahaja dari segi mendapat pengalaman malah dapat bekerjasama dengan staf akademik yang terlibat dalam program-program tersebut. Setiap aktiviti yang dijalankan akan diwar-warkan kepada seluruh sistem UiTM dan secara umum dan secara tidak langsung ini dapat menonjolkan kepakaran staf akademik di peringkat UiTM malah juga di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Dengan itu, pihak berkepentingan akan dapat menjadikan staf akademik sebagai pakar rujuk di dalam bidang masing-masing dalam membantu meningkatkan taraf bidang muzik tanah air dan antarabangsa. Jadual 4 di dalam lampiran 2 menunjukkan program yang telah dijalankan oleh staf akademik berdasarkan bidang kepakaran. Manakala Jadual 5 di dalam lampiran 2 pula menunjukkan kepakaran staf akademik dan sumbangan terhadap komuniti dan industri.

Program-program seperti yang tersenarai pada Jadual 5 di dalam lampiran 2 yang memberi sumbangan kepada komuniti dan industri membantu bukan sahaja di peringkat fakulti dan universiti malahan membuka peluang kepada pengajaran dan pembelajar di sekolah-sekolah, advokasi muzik, pembangunan professional pendidik muzik dan kolaborasi strategik di dalam mahupun di luar negara.

Selain itu, Amanat Dekan yang melibatkan pelajar, staf akademik dan pentadbiran akan dijalankan untuk berkongsi maklumat berkenaan dengan pencapaian akademik, penyelidikan, dan program pembangunan pelajar. Ini secara tidak langsung dapat menyuntik semangat dalam diri pelajar dan juga pensyarah-pensyarah muda menimba pengalaman daripada staf akademik mahupun pentadbiran yang lebih berpengalaman.

Memandangkan seluruh dunia telah dilanda pandemik COVID-19 pada tahun lalu, terdapat program-program yang terpaksa ditangguhkan. Walaubagaimanapun, bagi memastikan perancangan strategik FM dapat diteruskan, pengendalian aktiviti akademik dan bukan akademik dijalankan secara atas talian walaupun terdapat beberapa kekangan yang dihadapi. Ini dapat dilihat melalui penganjuran bengkel, webinar dan konsert atas talian dijalankan untuk memastikan penglibatan pelajar dan komuniti dapat diteruskan.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [Lampiran 2.pdf](#)
2. [Bukti Program Jadual 5.2b-compressed.pdf](#)
3. [D4.Surat\\_Kelulusan\\_Program-IJD2019.pdf](#)
4. [D5.Media\\_Sosial\\_FM\\_Instagram.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Bagi memastikan program-program yang telah dirancang berdasarkan perancangan strategik berjalan dengan lancar, kepimpinan kanan FM mengambil inisiatif untuk memastikan berlakunya pemantauan terhadap setiap program yang dijalankan.

Mengenalpasti kepuasan dan keselesaan persekitaran kerja adalah sangat penting untuk membantu meningkatkan mutu perkhidmatan kepada pelajar, staf dan pelajar FM serta pihak luar. Oleh itu, FM mengambilkira keperluan semua pihak melalui aduan serta maklumbalas pelanggan dalam meningkatkan tahap kepuasan hati dan aduan sumber manusia terhadap persekitaran sistem kerja. Maklumbalas pelanggan merupakan salah satu peluang bagi FM untuk meningkat kualiti perkhidmatan kepada pelanggannya. Antara platform yang digunakan pihak FM adalah melalui:

e-Aduan Fasilitas: Aduan melibatkan kerosakan elektrik, mekanikal, telekomunikasi, sivil, landskap, infrastruktur dan pengurusan majlis.

Media sosial seperti Facebook, Twitter, Instagram, Whatsapp dan lain-lain.

Maklumbalas pelajar iaitu Student Feedback Online (SuFO) juga merupakan platform atas talian yang disediakan oleh UiTM untuk mendapat maklumbalas terhadap komponen pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi jaminan kualiti dan keberkesanan penyampaian pensyarah, kandungan kursus serta infrastruktur. Analisa terhadap SuFO dibuat pada setiap penghujung semester dalam pelaporan OBE CDL-CQI. Data analisa bagi SuFO ini digunakan bagi penambahbaikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Selain itu, UiTM juga telah menjalankan kaji selidik Happiness Index (UHI) pada tahun 2017, 2018 dan 2020 bagi seluruh staf di UiTM. Peratusan Indeks Kegembiraan UiTM bagi FM pada tahun 2020 adalah sebanyak 73 peratus di mana ianya berada di kategori Sederhana Gembira. Jumlah peratusan ini meningkat sebanyak 3 peratus dari tahun sebelumnya. Jadual 6 di dalam lampiran 3 menunjukkan skor UHI FM mengikut domain dan subdomain. Berdasarkan peratusan yang ditunjukkan bagi tahun 2018 hingga 2020, masih banyak penambahbaikan perlu dilakukan bagi meningkatkan tahap kegembiraan warga FM di dalam menjalankan tugas masing-masing. Apatah lagi pada tahun 2020, pembelajaran atas talian mula dijalankan disebabkan pandemik COVID-19.

Oleh itu, UiTM dan pengurusan kanan FM sentiasa memastikan kebajikan staf akademik dan pentadbiran terjamin bagi memastikan tanggungjawab yang diberikan dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [Lampiran 3.pdf](#)
2. [Laporan Infografik UHI 3.0 Fakulti Muzik 2020 \(3\).pdf](#)
3. [SuFo for Mac - Sept 2020 Degree Master.xls - Sufo-19-08-2021 \(5\).pdf](#)



## 5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pelbagai risiko seperti dari aspek kewangan, pelaksanaan, reputasi, proses kerja, teknikal dan lain-lain perlu dikenalpasti dan diurus dengan baik bagi memastikan kelangsungan kecemerlangan UiTM dapat diteruskan. Di peringkat FM, pengurusan risiko FM telah diletakkan dibawah Unit Kualiti dan Penyelaras Risiko Fakulti (PRF) telah dilantik untuk menyelaras risiko-risiko yang ada di FM dan beliau dibantu oleh wakil-wakil dari setiap jabatan atau unit yang terdapat di dalam FM.

Antara risiko yang boleh dilihat adalah ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan yang dilaksanakan pada Mac 2020 disebabkan penularan pandemik COVID-19. Ini telah mengganggu pengoperasi FM dan UiTM secara keseluruhan. Antara kerja-kerja seperti penyelenggaraan, menaiktaraf bangunan, kerja-kerja pentadbiran, dan juga pengajaran dan pembelajaran terpaksa ditunda. Risiko ini telah memberi impak kepada FM melalui aktiviti pensyarah dan pelajar terutama yang berkaitan dengan peminjaman peralatan, perisian, teknikal, latihan, penggunaan ruang, bayaran gaji/elaun kakitangan dan sebagainya.

Sekiranya terdapat sebarang aduan daripada kalangan staf FM mengenai persekitaran dan sistem kerja, pengurusan kanan FM mengambil pendekatan untuk bertindak dengan segera terhadap makluman yang diterima. Antara contoh adalah sekiranya terdapat sebarang kerosakan terhadap peralatan bantuan mengajar, staf akademik boleh berhubung terus dengan staf sokongan untuk tindakan segera. Peralatan tersebut akan digantikan dengan yang lain untuk digunakan. Ini menunjukkan pihak pengurusan memberi respon terhadap setiap maklumbalas yang diterima.

Oleh itu FM sentiasa peka terhadap maklumat terkini yang disediakan oleh UiTM agar pengoperasian UiTM dapat diteruskan seperti biasa. Di peringkat petadbiran FM, melalui pekeliling Naib Canselor, terdapat pengiliran staf masuk bekerja dan ini adalah untuk mengurangkan penyebaran jangkitan COVID-19. Jawatankuasa Pemilik Risiko FM telah menyediakan daftar risiko untuk mengenalpasti segala risiko dan tindakan seterusnya boleh diambil dan dipantau. Salah satu contoh yang boleh diberi adalah pengajaran dan pembelajaran secara Open Distance Learning (ODL). Selain itu, program-program pembangunan pelajar juga telah beralih daripada bersemuka kepada program secara atas talian.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [L2a.FM\\_Analisa\\_Impak\\_Operasi&Perancangan\\_Kesinambungan\\_Operasi-2020.pdf](#)
2. [L2b.FM\\_Analisa\\_Kebergantungan\\_Operasi&Perancangan\\_Kesinambungan\\_Operasi-2020.pdf](#)
3. [L2c.Pelantikan\\_Penyelaras\\_Risiko\\_FM.pdf](#)

### 5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

FM menitikberatkan pencapaian yang berkaitan dengan pengurusan dan pembangunan pelajar. Oleh itu, FM mengkaji semula keberkesanan program dan tindakan penambahbaikan diambil bagi memastikan program akan datang dapat dijalankan dengan lebih baik.

Dalam memastikan kualiti pelajar terjamin, bilik kuliah serta studio latihan dilengkapi dengan alat bantuan mengajar seperti papan putih, komputer, meja, kerusi dan penghawa dingin. Selain itu, peralatan muzik juga ditempatkan di bilik kuliah bagi membantu memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran. Tong sampah disediakan di luar bilik kuliah bagi memastikan kebersihan persekitaran.

Staf akademik digalakkan untuk mengikuti latihan dan konferensi bagi meningkatkan ilmu pengetahuan dan kepakaran dalam bidang masing-masing yang mana dapat membantu meningkatkan prestasi kerja. Dapatan daripada mengikuti latihan dan konferensi dikongsi di dalam "Sharing Session" yang dikendalikan oleh TD PJI di peringkat Fakulti. Selain itu, Staf akademik juga sering digalakkan untuk menghadiri webinar atas talian berkaitan dengan ODL bagi menambahbaik kemahiran mengajar terutamanya di dalam tempoh PKP.

Bagi menjamin kualiti kerja staf akademik mahupun staf pentadbiran, FM juga menyediakan keperluan asas seperti bilik pejabat, ruang solat, bilik mesyuarat, bilik gerakan dan pantri. Sekiranya berlakunya kerosakan, pihak FM akan mengambil tindakan membuat laporan kepada pihak berkenaan untuk memperbaiki kerosakan yang sedia ada.

Selain daripada itu, bagi mengambil tindakan terhadap sumber manusia, mesyuarat- mesyuarat di beberapa peringkat turut diadakan seperti berikut:

- PROGRAM/ AKTIVITI: Mesyuarat perancangan diadakan secara berkala bagi memastikan lancar terhadap pelaksanaan program/aktiviti. Setelah selesai program, mesyuarat post-mortem diadakan bagi mendapatkan maklumbalas terhadap pelaksanaan program. Hasil maklum balas serta analisa data digunakan bagi tujuan penambahbaikan perancangan dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang dirancang untuk masa hadapan.
- JABATAN/ PENGURUSAN: Melalui maklumat data akademik, data ini diperolehi oleh pensyarah, pengurusan kanan FM serta staf pentadbiran akademik untuk memantau prestasi pelajar yang terlibat dalam aktiviti- aktiviti muzik. Pelajar akan dinasihatkan atau tidak dibenarkan untuk terlibat di dalam mana-mana aktiviti-aktiviti muzik sekiranya prestasi akademik mereka merosot. Ini adalah untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar untuk menumpukan sepenuh perhatian terhadap pelajaran mereka. Pencapaian akademik dapat dilihat melalui laporan OBE-CDL-CQI yang telah disediakan oleh Jawatankuasa NOBLE dan tindakan penambahbaikan boleh diambil diperingkat jabatan.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [CDL - CQI Summary MU110.pdf](#)

## **5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Penglibatan staf akademik dan pelajar di dalam pelbagai aktiviti di peringkat kebangsaan dan antarabangsa telah menunjukkan keterlibatan yang aktif dalam pendidikan, penyelidikan dan khidmat masyarakat. Hubungan baik yang dijalinan bersama industri dan komuniti dapat dimanfaatkan dalam menggerakkan aktiviti pembangunan pelajar.

Budaya perkongsian ilmu dapat dilaksanakan dan ini telah memberi impak kepada warga FM. Antaranya dari segi penganjuran konsert, program komuniti ataupun penglibatan dalam pertandingan, wujudnya peluang kerjasama di antara warga FM bersama alumni, industri dan juga komuniti. Contohnya kerjasama diantara UiTM bersama dengan Tourism Melaka dan Mahkota Parade dalam pengajuran konsert UiTM-UNESCO International Jazz Day Celebration 2019. Selain itu, penglibatan UCC dalam pertandingan juga telah membuka ruang kepada jalinan industri di peringkat nasional dan antarabangsa.

Staf akademik dijemput menjadi pakar rujuk, penceramah, tenaga pengajar oleh pihak luar telah menunjukkan ketampakan kepakaran masing-masing.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [UCC'S 2015-2020 ACTIVITIES .pdf](#)
2. [I4.Ketampakan\\_Global\\_FM\\_P1.pdf](#)
3. [I5.Ketampakan\\_Global\\_FM\\_P2.pdf](#)

## **KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI**

### **6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Dalam usaha FM untuk mencapai objektif dan inisiatif strategik bagi pengurusan dan pembangunan pelajar, proses-proses utama yang dilaksanakan adalah berdasarkan Pelan Perancangan Strategik FM berdasarkan lonjakan-lonjakan yang terdapat di dalam Rancangan Malaysia ke-11. FM juga komited dalam memberi tumpuan yang sepenuhnya dalam memastikan kecemerlangan sesuatu program dan juga dalam pembangunan kualiti pelajar. Pada bahagian perancangan, FM juga telah mengenal pasti sasaran yang hendak diketengahkan bagi program-program 2019 dan 2020 dan antara sasaran yang telah ditetapkan bagi HEP adalah fokus terhadap aktiviti (i) keusahawanan, (ii) kesukarelawan, (iii) komuniti dan (iv) pembangunan pelajar. Keputusan ini telah diambil oleh pihak pentadbiran bagi mensejajarkan gerak kerja dengan Rancangan Malaysia ke-11 dan juga dengan mengambil kira pada keperluan industri yang terlibat. Pada bahagian pelaksanaan, proses-proses yang diketengahkan adalah melalui penglibatan secara menyeluruh yang bukan sahaja melibatkan pada peringkat PTJ, malah melalui komuniti dan masyarakat yang disasarkan dan juga penglibatan luar PTJ. FM juga memastikan hubungan integrasi dapat dilaksanakan melalui kerjasama antara badan-badan kerajaan dan swasta dan FM juga komited agar amalan pembudayaan ini dapat diteruskan. Ekoran pandemik COVID-19 yang telah melanda bagi tahun 2020, FM telah mengambil inisiatif yang pantas dalam memastikan penglibatan pelajar tidak berkurangan dengan menggunakan kaedah atas talian dan melalui cara ini juga, FM dapat menyediakan penyelesaian pada permasalahan yang dihadapi.

## 6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

FM telah melaksanakan pelan strategi yang telah digubal oleh pihak fakulti dalam proses pelaksanaan program/aktiviti yang disasarkan bagi setiap tahun tercapai. Perkara ini boleh dirujuk pada slaid pembukaan perbincangan tahunan Perancangan Strategik 2019 yang bertajuk '*Scene Setting*' Bengkel Hala Tuju & Perancangan Strategik FM 2019-2020. Merujuk kepada semakan penetapan sasaran PI pelaksana 2019 FM, beberapa komponen telah ditetapkan bagi kumpulan 2 yang merujuk kepada perihal HEP berdasarkan lonjakan-lonjakan yang terdapat di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Antara sasaran yang telah ditetapkan bagi HEP adalah fokus terhadap aktiviti (i) keusahawanan, (ii) kesukarelawan, (iii) komuniti dan (iv) pembangunan pelajar. Perkara ini boleh dirujuk di dalam Gambarajah 6a yang terdapat pada lampiran Kriteria 6: Tumpuan Kepada Operasi.

Meningkatkan kualiti graduan FM untuk menjadi lebih holistik dan keusahawanan adalah merupakan salah satu komponen hasil yang dijangka yang terdapat dalam pelan perancangan strategik dan sejajar dengan keperluan kumpulan sasaran yang telah ditetapkan. FM memberi sokongan sepenuhnya kepada staf akademik dan pentadbiran, dan juga kepada pelajar bagi menggerakkan program-program yang bersifat keusahawanan. Perkara ini merupakan salah satu inisiatif dalam usaha FM menyahut seruan Rancangan Malaysia ke-11, yang terdapat di dalam komponen Tonggak ke-6 yang memberi penekanan kepada pengukuhan pertumbuhan ekonomi.

Sejajar dengan objektif FM di dalam pelan perancangan strategik di mana salah satu nya adalah untuk mendidik masyarakat dalam apresiasi seni muzik, program dan aktiviti perlu lebih fokus menjurus ke arah komuniti dan kemasyarakatan. Pihak pengurusan FM amat komited dan memberi galakan yang besar kepada staf akademik dan pentadbiran bagi menggerakkan program-program dan aktiviti-aktiviti yang mempunyai penglibatan awam. Perkara ini juga sejajar dengan Tonggak Kedua yang terdapat di dalam Rancangan Malaysia ke-11 iaitu memperkukuhkan pembangunan inklusif dan kesejahteraan rakyat. Hal ini sedikit sebanyak dapat membuka peluang FM dalam menjalankan tanggungjawab sebagai institusi yang mendidik secara inklusif.

Beberapa program dan aktiviti promosi telah dirancang dan dilaksanakan bagi mengikut program yang diwar-warkan yang juga relevan dengan pada keperluan semasa industri. Bagi memastikan kelangsungan program tercapai dengan memenuhi kriteria-kriteria fokus yang telah ditetapkan, Antara program-program dan aktiviti-aktiviti yang dirancang dan telah dilaksanakan adalah seperti di dalam Gambarajah 6b yang merujuk kepada jadual antara senarai program FM bagi tahun 2019 hingga 2020. Gambarajah ini boleh didapati pada lampiran Kriteria 6: Tumpuan Kepada Operasi.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [Gambarajah 6a - Slaid Perancangan Strategik 2019 "Scene Setting" Bengkel Hala Tuju & Perancangan Strategik 2019-2020 .pdf](#)
2. [Gambarajah 6b: Jadual Senarai Program FM 2019-2020.pdf](#)

### 6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pada peringkat permulaan, sesi mesyuarat yang melibatkan peringkat fakulti, jabatan dan pengurusan telah diadakan bagi menjalankan sesi perkongsian idea dan meneliti potensi sesebuah program/aktiviti. Setelah proses perbincangan mencapai kata putus, pihak pengurusan yang terlibat telah mengenal pasti Staf Akademik yang berpotensi bagi menjalankan program/aktiviti tersebut berdasarkan kepakaran dalam bidang masing-masing. Selain daripada konsert, program berunsur pendidikan seperti bengkel, webinar dan persidangan serta jaringan komuniti turut diadakan bagi memberi peluang kepada pelajar menimba pengalaman di samping mengetengahkan FM di peringkat global. Pada peringkat ini juga pihak yang terlibat telah mengambil kira perkara-perkara yang melibatkan pembiayaan, masa, lokasi, tempoh latihan dan sebarang kekangan atau risiko dan potensi bagi inisiatif yang dirancang untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Penetapan tema juga diambil kira dalam peringkat perancangan bagi memastikan kelangsungan dan estetik program terjaga. Pada peringkat pelajar, sesi pemilihan pemuzik, krew teknikal dan urusetia telah diadakan di kalangan pelajar-pelajar FM setelah menerima input dari KP dan pensyarah dari segi pencapaian akademik, bakat, sikap dan potensi pelajar. Kaedah pemilihan pelajar bagi tugas pemuzik juga dilakukan melalui kaedah ujibakat. Walau bagaimanapun, terdapat juga program program dan aktiviti-aktiviti yang tidak melibatkan proses ujibakat seperti program latihan industri, program keusahawanan dan sebagainya.

FM juga mengambil kira penglibatan luar PTJ bagi tujuan promosi dan memberi pendedahan kepada komuniti dan masyarakat yang ditumpukan melalui program yang berkaitan dengan aktiviti kreatif dan akademik. Sebagai contoh, usaha FM dalam mempromosikan kejayaan UCC dalam memperoleh kemenangan di pertandingan di Poland dan sidang media UCC ini telah mendapat kerjasama dari Bahagian Komunikasi Korporat UiTM bagi sesi video rakaman sidang akhbar. Perkara ini eviden di dalam Gambarajah 6c. Perkara ini juga terbukti dalam program kemasyarakatan dengan kerjasama Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ). Beberapa pelajar dan staf akademik dari program MU110 telah mengikuti program “Kesukarelawan Mahasiswa Secara Kolaborasi Bersama Masyarakat” tertumpu kepada komuniti Pangsapuri Enggang bertujuan memberi pendedahan dan pendidikan seni muzik di peringkat asasi dan boleh dirujuk di dalam Gambarajah 6d. Kedua-dua Gambarajah boleh didapati pada lampiran Kriteria 6: Tumpuan Kepada Operasi.

FM juga memberi sokongan dalam bentuk pembiayaan bagi memastikan kelancaran program/aktiviti dapat diteruskan. Selain pembiayaan dari fakulti, FM juga menerima dana dari badan-badan korporat kerajaan dan swasta bagi membiayai kos-kos yang melibatkan produksi konsert, tempat persembahan, pemuzik, penceramah dan sebagainya. Sebagai contoh, pembiayaan daripada Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia telah diterima bagi menjayakan projek *UiTM-UNESCO International Jazz Day Celebration 2019*. FM juga telah menerima penglibatan pembiayaan dari syarikat Bandoru dalam membiayai konsert keusahawanan program Diploma Muzik MU110. Program-program lain seperti masterclass dan webinar turut mendapat penglibatan dari kedutaan antarabangsa seperti Kedutaan Colombia di Malaysia. Perkara ini boleh didapati pada Gambarajah 6e dan Gambarajah 6f yang terdapat pada Lampiran Kriteria 6: Tumpuan Kepada Operasi.

Persediaan program dalam bentuk latihan diadakan bagi memperkukuhkan lagi kualiti persembahan baik untuk pelajar mahupun para pensyarah. Penggubahan lagu atau repertoire juga merupakan proses yang penting dalam asas permainan muzik berkumpulan mengikut jenis dan kesesuaian bilangan pemuzik mahupun jenis alat muzik yang terdapat di dalam sesuatu ensemble. Peringkat persiapan menekankan aspek-aspek yang terdapat di dalam Gambarajah 6g yang terdapat pada lampiran Kriteria 6: Tumpuan Kepada Operasi.

### SENARAI BUKTI :

- 
1. [Gambarajah 6c - Kolaborasi bersama Bahagian Komunikasi Korporat UiTM.pdf](#)
  2. [Gambarajah 6d - Kesukarelawan Mahasiswa Secara Kolaborasi Bersama Masyarakat” tertumpu kepada komuniti Pangsapuri Enggang.pdf](#)
  3. [Gambarajah 6e - Surat Kelulusan dan Sumbangan SKUM.pdf](#)
  4. [Gambarajah 6f - Resit Perolehan Dana dari Organisasi Luar.pdf](#)
  5. [Gambarajah 6g - Aspek Latihan Dalam Persiapan Program:Aktiviti.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Usaha dalam memastikan pelaksanaan gerak kerja bagi pembangunan pelajar semestinya amat dititik beratkan dan diberi tumpuan yang penuh. Kempen publisiti dan promosi dilakukan secara berkala dengan menyediakan pelbagai informasi terkini dari segi video, gambar-gambar latihan dan sebagainya. Antara inisiatif yang telah diambil bagi mempromosikan konsert adalah seperti berikut: (i) hebahan melalui *WhatsApp* (ii) hebahan melalui *UiTM Hub* dan (iii) media sosial yang merangkumi platform-platform seperti *Instagram*, *Facebook* dan *Twitter*. Hebahan melalui platform-platform seperti yang dinyatakan di atas secara tidak langsung dapat memberi gambaran kepada orang ramai tentang program yang dijalankan dan promosi melalui media sosial hendaklah mengikuti estetik program yang telah ditetapkan. Perkara ini eviden di dalam Gambarajah 6h yang terdapat pada lampiran Kriteria 6: Tumpuan Kepada Operasi.

Melalui penglibatan pelajar dan staf sedikit sebanyak dapat mencungkil bakat dan memberi pendedahan yang positif dalam membentuk dan memperbaiki kemahiran yang sedia ada. Sijil penglibatan juga dikeluarkan bagi mengiktiraf keterlibatan individu di dalam sesuatu program bagi mendorong pelajar dalam memastikan kelangsungan usaha ini dapat diteruskan. Melalui penglibatan warga FM juga telah berjaya mendapat pengiktirafan bukan sahaja di peringkat nasional tetapi juga di peringkat dunia dan pengiktirafan yang dicapai turut memberi kesan kepada nama baik FM dan juga UiTM. Sebagai contoh, *UiTM Chamber Choir (UCC)* telah berjaya memperolehi 3 pingat emas di Poland pada tahun 2019 dan 5 penganugerahan dari Sepanyol dan 2 dari Finland pada tahun 2020. Perkara ini terdapat di dalam Gambarajah 6i merujuk pada lampiran Kriteria 6: Tumpuan Kepada Operasi.

Bagi memenuhi jangkaan dan menyelesaikan sesuatu permasalahan, kepentingan maklumbalas amat dititik beratkan dalam mewujudkan peluang atau ruang komunikasi. Melalui jenis bentuk pemantauan ini juga dapat mengelak kekeliruan dalam sesuatu perkara dan juga meningkatkan kualiti dari segi perkhidmatan dan organisasi. Melalui kaedah borang maklumbalas juga dapat memberi maklumat berkenaan saluran tambahan atau alternatif sekiranya pelanggan berpuas hati atau tidak dengan tindakan yang telah diambil oleh pihak organisasi, jabatan, dan pemberi perkhidmatan. Perkara ini terdapat di dalam Gambarajah 6j.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [Gambarajah 6h - Antara Medium bagi Tujuan Publisiti yang Digunakan.pdf](#)
2. [Gambarajah 6i - Penganugerahan dan Pengiktirafan .pdf](#)
3. [Gambarajah 6j - Borang Maklum Balas Program.pdf](#)



## 6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Langkah pertama yang diambil oleh pihak FM dalam pemantauan pengendalian risiko ialah memastikan setiap gerak kerja yang dilakukan melalui prosedur yang efektif. Bagi pelaksanaan pemantauan pengendalian risiko, pihak FM telah menetapkan agar segala persiapan dari segi teknikal dimulakan sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum program dilaksanakan. Hal ini dilakukan bagi mengenalpasti permasalahan yang berpotensi untuk timbul dan pelaksanaan menangani risiko dapat dijalankan pada peringkat permulaan. Antara pelaksanaan yang telah dijalankan adalah seperti mengujilari perisian/platform yang akan digunakan, mendapatkan perisian/platform yang sesuai digunakan untuk setiap program, dan mengadakan rakaman bersama krew teknikal bagi tujuan persediaan kandungan program

Bagi pelaksanaan menguji lari perisian/platform yang digunakan oleh program-program ini, pihak bertanggungjawab akan mengadakan sekurang-kurangnya dua kali bagi melaksanakan tindakan mengenalpasti permasalahan yang terdapat pada perisian/platform tertentu. Hal ini dapat dilihat pada pelaksanaan gerak kerja bagi program UiTM Jazz Series Webinar di mana kekurangan pada kualiti audio telah didapati terjejas apabila penglibatan penceramah melebihi lebih dari satu orang.

Hal ini menjurus kepada pelaksanaan pemerolehan mekanisme baharu bagi membantu perisian/platform yang bermasalah. Masalah yang dikenalpasti pada program UiTM Jazz Series Webinar adalah pada ketidaklancaran siaran langsung apabila penceramah berlayar secara atas talian daripada kediaman masing-masing. Permasalahan ini dapat diselesaikan dengan pelaksanaan persiaran secara atas talian yang tertumpu menggunakan Studio Rakaman FM.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [Gambarajah 6k - Sesi Ujilari dan Latihan Program Webinar.pdf](#)

### 6.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Ekoran pandemik COVID-19 yang telah melanda bagi tahun 2020, impak yang besar telah terjadi pada pergerakan pelajar dan staf dalam menghasilkan gerak kerja bagi objektif-objektif yang disasarkan. Penglibatan fizikal golongan yang dinyatakan tidak lagi dapat dilaksanakan seperti tahun-tahun sebelumnya. Pelajar tidak lagi boleh terlibat dalam persembahan secara bersemuka bagi program-program yang sedia ada. Oleh itu, para pentadbir FM serta staf yang terlibat telah mengambil inisiatif yang pantas dalam memastikan penglibatan pelajar tidak berkurangan. Hal ini dilaksanakan melalui penglibatan pelajar menggunakan kaedah atas talian. Pelajar diberikan tanggungjawab belakang tadbir serta tugas-tugas pembikinan acara dan program. Melalui pelaksanaan ini, penglibatan pelajar yang progresif dapat diteruskan walaupun dengan kekangan yang ada.

Selain itu, penambahbaikan yang dilakukan adalah pemastian penglibatan inklusif dari pihak alumni. Perkara ini boleh dilihat daripada penglibatan alumni sebagai pemuzik dalam program-program yang dilaksanakan seperti persembahan konsert, masterclass dan webinar. Antara contoh yang boleh dilihat ialah penglibatan alumni yang kini bergiat aktif dalam industri muzik tempatan sebagai pemuzik dalam program *UiTM Jazz Series Webinar*. Manakala, bagi memastikan pengukuran keberkesanan aktiviti yang dijalankan, pihak bertanggungjawab menjalankan aktiviti-aktiviti menyediakan borang maklum balas melalui aplikasi *Google Form*. Melalui cara ini, sedikit sebanyak dapat membantu pihak pentadbiran FM mengumpul maklum balas bagi pelaksanaan penambahbaikan. Perkara boleh dirujuk pada Gambarajah 6I yang terdapat pada lampiran Kriteria 6: Tumpuan Kepada Operasi.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [Gambarajah 6I - Antara Inisiatif Dalam Pengendalian Risiko.pdf](#)

## 6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pelaksanaan integrasi berlaku apabila FM telah mengenal pasti dan menjalinkan hubungan dua hala serta mewujudkan kerjasama antara badan-badan kerajaan dan swasta dalam bidang muzik dan media. Program *Jazz Series* telahpun disenaraikan secara rasmi oleh UNESCO sebagai penganjur konsert *International Jazz Day* seiring dengan konsert-konsert lain di peringkat global. Program ini juga telah mendapat kerjasama dari Hektar Group dan Persatuan Pelancongan Melaka setelah mengambil kira Melaka yang telah diisytiharkan oleh UNESCO sebagai Bandar Warisan Dunia (World Heritage). Pembudayaan dapat diteruskan melalui program Jazz Series dengan jalinan berbentuk integrasi hasil daripada penglibatan pemuzik profesional dan secara tidak langsung dapat menyumbang kepada pembangunan akademik, jalinan kerjasama dengan pihak industri dan visibiliti FM.

Beberapa program juga turut menerima penglibatan dari industri muzik tempatan dan secara tidak langsung dapat menyumbang kepada pembangunan akademik, jalinan kerjasama dengan pihak industri dan visibiliti FM. Selain daripada pengiktirafan yang diterima, terdapat juga program-program yang berjaya memperkukuhkan hubungan diplomatik antara Malaysia dan negara luar. Perkara ini eviden di dalam program webinar kerjasama antara UiTM dan Kedutaan Colombia di Malaysia pada tahun 2020 dan pembudayaan ini juga akan diteruskan pada masa-masa akan datang. Hubungan ini bukan sahaja dapat dibina melalui muzik persembahan, malah melalui kolaborasi jalinan MOU dan MOA bersama institusi peringkat antarabangsa. Perkara ini boleh dirujuk pada Gambarajah 6m yang terdapat pada lampiran Kriteria 6: Tumpuan Kepada Operasi.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [Gambarajah 6m - Contoh-Contoh Kolaborasi .pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.1 HASIL UTAMA 1**

Tumpuan kepada Pelanggan

#### **7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Pelanggan merupakan suatu aset yang penting dalam pelbagai jenis perniagaan atau perkhidmatan. Pelajar merupakan pelanggan utama kepada fakulti dan Universiti dalam proses menyediakan perkhidmatan pendidikan. Adalah penting untuk memberi tumpuan kepada pelajar kita dalam proses menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada pelajar kita. Bagi memastikan perkhidmatan yang ditawarkan adalah relevan dan terbaik kepada para pelajar, maklumbalas dari pelajar adalah amat penting kepada fakulti dan Universiti. Pada tahun 2019 dan 2020, seluruh dunia dilanda wabak Covid-19 yang telah mengubah hampir keseluruhan kehidupan seharian kita. Ini termasuk bagaimana cara penyampaian perkhidmatan kepada pelajar dijalankan iaitu dari secara bersemuka kepada dalam talian sepenuhnya. Walaupun menghadapi cabaran yang sukar dalam norma yang baharu, fakulti dan Universiti terus komited dalam memastikan penambahbaikan berterusan dalam menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada para pelajar menerusi maklumbalas yang diterima daripada mereka. Pelbagai kaedah diambil dalam proses membantu pelajar yang terkesan dalam proses menjalani kelas secara dalam talian. Pelbagai platform juga digunakan bagi membantu pelajar untuk terus mendapat perkhidmatan yang terbaik dalam menghadapi cabaran pendengalian kelas dalam talian.

#### **7.1.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [Hasil Utama 1 Tahap.pdf](#)

#### **7.1.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [Hasil Utama 1 Tren.pdf](#)

#### **7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [Hasil Utama 1 Tanda Aras.pdf](#)

#### **7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [Hasil Utama 1 Kepentingan.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.2 HASIL UTAMA 2**

Perancangan Strategik

#### **7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Perancangan strategik merupakan suatu langkah yang penting dan perlu dijalankan oleh semua organisasi. Pihak FM menjalankan perancangan strategik sekali setiap tahun. Ini adalah untuk merancang dan memastikan pengoperasian, output dan hala tuju adalah seiring dan selaras dengan hala tuju Universiti dan Negara. Dalam perancangan strategik, dibincangkan semua kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman dalam pengoperasian seharian. Semua aspek ini diambil kira dalam proses memastikan FM menggunakan segala sumber manusia yang ada untuk menghasilkan output selaras dengan hala tuju Universiti dan Negara. Pihak FM terus komited untuk berusaha ke arah mencapai hasrat Universiti selaras dengan Pelan Strategik UiTM 2025. Walaupun pada tahun 2019 dan tahun 2020 merupakan waktu yang sukar kepada semua warga UiTM kerana dilanda pandemik Covid 19, namun, semua warga FM terus komited ke arah merealisasikan Pelan Strategik UiTM 2025.

#### **7.2.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [Hasil Utama 2 Tahap.pdf](#)

#### **7.2.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [Hasil Utama 2 Tren.pdf](#)

#### **7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [Hasil Utama 2 Tanda Aras.pdf](#)

#### **7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [Hasil Utama 2 Kepentingan.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.3 HASIL UTAMA 3**

Tumpuan kepada Sumber Manusia

#### **7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Sumber manusia merupakan elemen yang penting dalam sesebuah institusi. Ini termasuk proses mengurus dan menyampaikan sebarang jenis perkhidmatan yang ditawarkan oleh sesebuah institusi kepada pelanggan mereka. Di dalam aspek ini, staf akademik dan staf pentadbiran merupakan sumber manusia yang penting kepada Fakulti Muzik (FM) dan Universiti dalam menyampaikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan iaitu pelajar. Pihak FM sentiasa mengoptimalkan kepakaran dan pengalaman sumber manusia sedia. Proses penambahbaikan berterusan juga diamalkan, di mana semua staf digalakkan menjalani kursus atau latihan selama 42 jam setahun untuk meningkatkan ilmu dan kepakaran dalam bidang masing-masing. Langkah ini amat penting dalam memastikan tenaga sumber manusia yang ada sentiasa relevan dan mempunyai kepakaran dan ilmu yang terkini dalam melaksanakan tugas untuk melahirkan pelajar yang kompeten.

#### **7.3.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [Hasil Utama 3 Tahap.pdf](#)

#### **7.3.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [Hasil Utama 3 Tren.pdf](#)

#### **7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [Hasil Utama 3 Tanda Aras.pdf](#)

#### **7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [Hasil Utama 3 Kepentingan.pdf](#)